



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



# LAPORAN TAHUNAN **2021**





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN

# 2021



Cetakan Pertama, 2022  
Hakcipta Terpelihara © Jabatan Perangkaan Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penerbit

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
65214 Putrajaya Malaysia.

Tel : +603 8885 7000  
Faks : +603 8888 9248

Portal Rasmi : [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)  
Portal Banci : [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)

E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)  
: data@dosm.my (pertanyaan dan permintaan data)

# KANDUNGAN



|    |  |  |
|----|--|--|
| i. | PERUTUSAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA                   |  |
| 1  | <b>PROFIL KORPORAT DOSM</b>                            |  |
|    | • Tadbir Urus 12                                       |  |
|    | • Maklumat Korporat DOSM 20                            |  |
|    | • Organisasi DOSM 24                                   |  |
|    | • Kewangan DOSM 32                                     |  |
| 2  | <b>AKTIVITI UTAMA DOSM</b>                             |  |
|    | • Data 36  |  |
|    | • Rangka Statistik 38                                  |  |
|    | • Konsultansi/ Rundingan Teknikal 39                   |  |
| 3  | <b>PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2021</b>                      |  |
|    | • Peristiwa DOSM 42                                    |  |
|    | • Keluaran Statistik Baharu 65                         |  |
|    | • Diari DOSM 2021 73                                   |  |
| 4  | <b>MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI</b>            |  |
|    | • Perjawatan 2021 82                                   |  |
|    | • Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) 84        |  |
|    | • Kursus dan Program Latihan 86                        |  |
|    | • Pengiktirafan dan Pencapaian Anggota DOSM 89         |  |
|    | • Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia 98          |  |
| 5  | <b>MODENASI DAN INOVASI</b>                            |  |
|    | • <i>Dashboard</i> 102                                 |  |
|    | • Portal Data 108                                      |  |
|    | • Aplikasi Mudah Alih ( <i>Mobile Apps</i> ) 117       |  |
| 6  | <b>KOMUNIKASI STATISTIK</b>                            |  |
|    | • Medium Penyebaran Statistik 120                      |  |
|    | • Statistik Bersama Komuniti 130                       |  |
|    | • Kunjungan Hormat dan Muhibah 140                     |  |
|    | • Memorandum Persefahaman (MoU) 143                    |  |
| 7  | <b>KE ARAH ORGANISASI STATISTIK TERBILANG DI DUNIA</b> |  |
|    | • Jalinan Kerjasama Antarabangsa 146                   |  |
|    | • Pengiktirafan di Peringkat Antarabangsa 147          |  |
|    | • Penglibatan DOSM di Peringkat Antarabangsa 148       |  |
| 8  | <b>WORK LIFE BALANCE</b> 156                           |  |
| 9  | <b>CABARAN DAN ASPIRASI 2022</b> 168                   |  |

# PERUTUSAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku:  
Malaysia Makmur.

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**

**ALHAMDULILLAHIR RABBIL A'ALAMIN**

**WASSALATUWASSALAM MUALA ASHRAFIL AMBIA  
IWALMURSALIN WA'ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan 2021 Jabatan Perangkaan Malaysia yang merupakan dokumentasi informasi terkini dan pencapaian penting Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sepanjang tahun 2021 dapat diterbitkan.

## PELAN STRATEGIK JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA 2021-2025

Tahun 2021 menyaksikan pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2021-2025 sebagai kesinambungan kepada Pelan Transformasi Jabatan (PTJ) 2015-2020. Strategi PSJ telah dirangka untuk menjadi ‘Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat’ bagi memastikan DOSM terus maju dan inklusif dalam merangka hala tuju ke arah masa hadapan yang lebih dinamik dan menghadapi dunia Revolusi Industri 4.0. Pelan strategik untuk tempoh lima (5) tahun ini merupakan garis panduan bagi memastikan segala perancangan dapat direalisasikan selaras dengan dasar-dasar semasa kerajaan, kehendak dan keperluan pelanggan Jabatan serta landskap sosioekonomi dan cabaran di pelbagai peringkat. Empat (4) teras strategik PSJ adalah berpandukan kepada transisi dalam persekitaran sosioekonomi global, kerangka dasar pembangunan negara, perkembangan komuniti statistik antarabangsa, revolusi teknologi maklumat dan komunikasi, era pendigitalan, pemerksaan modal insan serta peningkatan kompleksiti permintaan produk dan perkhidmatan statistik. Syabas kepada semua warga DOSM di atas usaha dan kerjasama berpasukan dalam memastikan PSJ ini dilaksanakan dengan jayanya. Semoga sasaran pelan strategik ini dapat direalisasikan dengan cemerlang untuk memacu penghasilan statistik yang berintegriti bagi pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

## PENCAPAIAN 2021

Menyelusuri tahun 2021, Negara masih bergelut dalam memerangi penularan pandemik COVID-19 melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Prosedur Operasi Kerja (SOP) dan norma baharu yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) berdasarkan statistik harian COVID-19. Realiti ini memperlihatkan kepentingan data dan statistik dalam membantu membuat keputusan. DOSM tidak ketinggalan berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang tahun 2021 dalam usaha mengekalkan penyebaran dan meningkatkan kepastasan dalam menghasilkan pelbagai statistik bagi menyokong usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi Negara yang terkesan akibat penularan COVID-19. Di samping itu, DOSM turut serta mengeluarkan pelbagai statistik baharu dan melaksanakan kajian khas impak COVID-19 terhadap sosial dan ekonomi Negara.

DOSM telah menerbitkan sebanyak 524 penerbitan statistik, 172 penerbitan baru *My Local Stats* mengikut Daerah dan 241 *Stats Alert* sepanjang tahun 2021. Manakala penglibatan aktif DOSM di dalam dan luar Negara telah menuntut DOSM mempelbagaikan sistem penyampaian statistiknya ke arah bertaraf Antarabangsa dengan menyediakan pelbagai platform capaian statistik seperti eStatistik, dashboard, portal data dan aplikasi mudah alih mengikut keperluan pengguna. Modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi di kalangan anggota DOSM merupakan faktor utama kejayaan saban tahun. Tahniah kepada semua anggota DOSM yang berjaya melaksanakan tanggungjawab untuk Negara dengan menghasilkan produk dan perkhidmatan mengikut perancangan demi keperluan dalam Negara mahupun antarabangsa.

Walaupun menghadapi limitasi pelaksanaan aktiviti secara fizikal, DOSM sentiasa menitikberatkan jalinan komunikasi di kalangan pengguna data dan masyarakat melalui pelbagai medium. DOSM telah menjalankan variasi hebat dan program terutamanya melalui platform media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube. Di samping itu, kerjasama strategik dua hala antara DOSM dengan agensi dan swasta dalam dan luar Negara sentiasa dipertingkatkan dengan pertambahan tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) baharu pada tahun 2021. Pengajuran Hari Statistik Negara (HSN) bersekali dengan Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) 2021 kali ke-8 juga merupakan acara wajib tahunan dan hari keraian bagi semua individu

dan institusi yang turut terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penghasilan statistik negara. DOSM telah mengadaptasi norma baharu dan SOP yang telah ditetapkan bagi penganjuran pelbagai aktiviti dalam mewarnai sambutan ini.

Revolusi *Big Data* telah menuntut DOSM untuk melipatgandakan keperluan terhadap adaptasi sistem digital baharu melalui teknologi analitik data raya. Penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara merupakan kerjasama bersama Jabatan Perdana Menteri, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bertujuan membantu sektor awam ke arah penggubalan dasar yang lebih komprehensif dan tepat. Ia juga bertujuan menyokong hasrat kerajaan dalam memastikan setiap perancangan dan membuat keputusan berlandaskan analitik data selaras dengan inisiatif kerajaan digital. Hal ini juga dijangka akan memberikan impak positif seperti menjamin ketersediaan data yang lebih komprehensif di sektor kerajaan dalam merangka dasar negara.

Sebagai sebuah organisasi terbilang di dunia, DOSM terus memainkan peranan aktif dengan menyandang keahlian serta jawatan Pengerusi dan Naib Pengerusi dalam pertubuhan statistik antarabangsa, khususnya di rantau ASEAN dan Asia Pasifik di samping diiktiraf sebagai ahli baharu dalam 13 pertubuhan statistik dunia sepanjang tahun 2021. DOSM terus bersemangat membina jalinan hubungan dan bertukar pandangan bersama pakar-pakar statistik dari pelbagai negara dengan menyertai acara-acara utama peringkat Antarabangsa seperti *52nd Session of United Nation Statistical Commission (UNSSC)*, *International Statistical Institute's World Statistics Congress 2021 (ISI WSC 2021)* dan *United Nations World Data Forum 2021 (UNWDF 2021)* secara fizikal dan maya. Penghargaan harus diberikan kepada anggota DOSM yang terus menyalurkan kepakaran dan komitmen dalam kumpulan pakar yang disertai. Mengharungi cabaran baru, DOSM terus komited membina rangkaian jalinan hubungan antarabangsa dan memperluaskan pengeluaran statistik negara agar lebih responsive dalam komuniti dengan meningkatkan permintaan statistik yang berkualiti tinggi ke arah pelaksanaan Agenda 2030 Pembangunan Mampan di peringkat global.

## DOSM STATS RELIEF (DSR)

Bencana banjir yang telah melanda Negara pada 18 Disember 2021 turut menjelaskan 114 keluarga warga DOSM. Berdasarkan tanggungjawab dan keprihatinan, DOSM Stats Relief (DSR) telah diwujudkan untuk membantu anggota DOSM yang ditimpa bencana ini. Misi bantuan ini mula beroperasi pada 20 Disember 2021 bersama sukarelawan warga DOSM secara berkumpulan dan bersasar ke tempat kediaman warga DOSM yang terjejas. Kesungguhan para sukarelawan yang terdiri daripada warga DOSM ini sendiri seharusnya diberikan pujian kerana berjaya melaksanakan misi bantuan tanpa mengenal erti penat dan lelah. DSR telah berjaya mencapai objektifnya dalam meringankan beban mereka yang memerlukan disamping menjadi sebuah khidmat masyarakat DOSM kepada Keluarga Malaysia.

## PENUTUP

Merentasi cabaran global dan nasional, DOSM memikul tanggungjawab besar selaku agensi peneraju dalam membekalkan statistik rasmi Negara. Walaupun Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 menjadi sejarah kerana dilaksanakan dalam tempoh masa yang panjang dengan keadaan krisis kesihatan dan ekonomi, namun banci ini telah berjaya ditamatkan pada 31 Oktober 2021. Sukacitanya, saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga DOSM yang terlibat menjayakan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia kali ke-enam ini. Sehubungan itu, seluruh warga DOSM perlu kekal bersedia dan komited dalam menghadapi apa juar cabaran serta memenuhi amanah yang dipertanggungjawab bagi memastikan DOSM kekal unggul dan terus berperanan untuk memberikan perkhidmatan statistik terbaik kepada Negara. Akhir kata, segala usaha, penglibatan dan pencapaian oleh warga DOSM sepanjang tahun 2021 diabadikan dalam Laporan Tahunan 2021 ini sebagai rekod dan pendorong bagi menghadapi cabaran dan sumber aspirasi di tahun mendatang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin  
Ketua Perangkawan Malaysia**

**GG Pelan strategik untuk tempoh lima (5) tahun ini merupakan garis panduan bagi memastikan segala perancangan dapat direalisasikan selaras dengan dasar-dasar semasa kerajaan, kehendak dan keperluan pelanggan Jabatan serta landskap sosioekonomi dan cabaran di pelbagai peringkat.** GG

**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**  
Ketua Perangkawan Malaysia







# PROFIL KORPORAT DOSM

- Tadbir Urus
- Maklumat Korporat DOSM
- Organisasi DOSM
- Kewangan DOSM



MALAYSIA



# TADBIR URUS

## LATAR BELAKANG

**Jabatan Perangkaan Malaysia** ditubuhkan pada tahun 1949 dan dikenali sebagai Biro Statistik di bawah peruntukan **Statistics Ordinance 1949**. Pada masa itu, Biro Statistik diketuai oleh *Registrar of Statistics* berperanan menjalankan tugas-tugas pungutan, pemprosesan dan penerbitan perangkaan terhad hanya kepada data perdagangan luar negeri dan pertanian ladang.

Selepas kemerdekaan dan penubuhan Malaysia, maklumat perangkaan negara amat kritikal bagi pembentukan dan penggubalan dasar pembangunan negara. Pada tahun 1965, Akta Perangkaan 1965 diluluskan oleh Parlimen dan *Statistics Ordinance 1949* dimansuhkan. Di bawah Akta ini, nama Biro Statistik telah ditukar kepada Jabatan Perangkaan dan diketuai oleh Ketua Perangkawan. Akta ini juga memperkuatkan lagi kuasa pemungutan dan penyusunan perangkaan Jabatan seterusnya mengembangkan perkhidmatan perangkaan yang lebih meluas merangkumi bidang ekonomi dan juga sosial.

Sehingga kini, Jabatan Perangkaan Malaysia yang beribu pejabat di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya terus menjadi agensi utama kerajaan yang diamanah dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebar perangkaan penting negara. Jabatan Perangkaan Malaysia turut disokong oleh Jabatan Perangkaan Negeri dan Pejabat-pejabat Operasi yang diwujudkan di beberapa buah negeri.

## PUNCA KUASA

**Statistics Ordinance 1949** telah dimansuhkan dan digantikan dengan **Akta Perangkaan 1965**. Pada masa yang sama, **Akta Banci 1960** juga digunakan untuk pelaksanaan banci. Akta Perangkaan 1965 telah disemak semula pada tahun 1989. Fungsi Jabatan dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 2(2):



Fungsi-fungsi Jabatan ini adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan-perangkaan bagi maksud memperlengkapi maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa-apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan).



**United Nations Fundamental Principles of Official Statistics** merupakan teras tadbir urus statistik yang menggariskan prinsip asas untuk diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi. Sebagai entiti penjana statistik negara, statistik rasmi merupakan input utama kepada proses pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar sosioekonomi negara yang digunakan oleh kerajaan.



## UNITED NATIONS FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS

### **PRINCIPLE 1**

*Relevance, Impartiality  
and Equal Access*

### **PRINCIPLE 2**

*Professional Standards, Scientific  
Principles, and Professional Ethics*

### **PRINCIPLE 3**

*Accountability and Transparency*

### **PRINCIPLE 4**

*Prevention of Misuse*

### **PRINCIPLE 5**

*Sources of Official Statistics*

### **PRINCIPLE 6**

*Confidentiality*

### **PRINCIPLE 7**

*Legislation*

### **Principle 8**

*National Coordination*

### **PRINCIPLE 9**

*Use of International Standards*

### **PRINCIPLE 10**

*International Cooperation*

## PELAN STRATEGIK JABATAN

**Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2021-2025** merupakan dokumen induk bagi tempoh lima tahun yang menggariskan teras strategik, strategi, program serta aktiviti dan arah tuju Jabatan Perangkaan Malaysia. Pelan Strategik ini dirangka selari dengan dasar semasa Kerajaan, kehendak dan keperluan pelanggan Jabatan serta perubahan landskap sosioekonomi dan cabaran yang berlaku di peringkat nasional dan global.

Dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan statistik kepada masyarakat, Jabatan Perangkaan Malaysia telah merangka pelan strategik yang komprehensif untuk merealisasikan visi Jabatan. Pelan Strategik yang berbentuk komprehensif, progresif dan responsif ini meliputi keberhasilan produk dan perkhidmatan statistik yang holistik serta mensasarkan pencapaian bagi memenuhi ekspektasi pengguna.

PSJ 2021-2025 ini merupakan pelan yang menggariskan komitmen Jabatan Perangkaan Malaysia dalam menyampaikan perkhidmatan statistik yang terbaik melalui pelaksanaan strategi dan program yang telah dikenal pasti. Pelan ini dibangunkan berlandaskan peranan Jabatan sebagai penjana statistik rasmi Malaysia untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat pada masa hadapan.

Pelancaran PSJ 2021-2025 pada Mac 2021 disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Mohd Sallehuddin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri (JPM). PSJ 2021-2025 merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik Jabatan 2010-2014 dan Pelan Transformasi Jabatan 2016-2020.





# PELAN STRATEGIK

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## 2021-2025

### VISI

Peneraju Perkhidmatan  
Statistik Demi  
Kesejahteraan Sejagat

Meningkatkan Inovasi Rantaian  
Statistik untuk Penyampaian  
Perkhidmatan yang Efisien

### MISI

Memacu Statistik Berintegriti  
dan Perkhidmatan Profesional  
untuk Pembudayaan Keputusan  
Berasaskan Bukti

Memperkasakan  
Perkhidmatan Statistik  
yang Berintergriti,  
Relevan dan Andal

### MOTO

Statistik Nadi Kehidupan

Membudayakan  
Statistik dalam  
Kehidupan

Memacu Analitik  
Data Sektor  
Awam






JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA







## GENERAL STATISTICAL BUSINESS PROCESS MODEL

DOSM telah mengadaptasi kerangka kerja *Generic Statistical Business Process Model* (GSBPM) yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) mulai 2011. GSBPM ini mengandungi lapan proses utama dengan 45 subproses yang merangkumi peringkat perancangan, prosesan, analisis dan penyebaran statistik rasmi.

Versi terkini yang digunakan adalah GSBPM versi 5.0, 2013 dan DOSM sedang mengemaskini GSBPM kepada versi 5.1, tahun 2019. Untuk makluman, GSBPM versi 5.1 yang terkini melibatkan perubahan empat subproses bagi satu di *specify needs* dan tiga di *build*. Jumlah keseluruhan subproses telah berkurang daripada 45 kepada 43 subproses.

# MAKLUMAT KORPORAT DOSM



## VISI

Peneraju Perkhidmatan Statistik  
demi Kesejahteraan Sejagat



## MISI

Memacu Statistik Berintegriti dan  
Perkhidmatan Profesional untuk  
Pembudayaan Keputusan  
berasaskan Bukti



## MOTO

Statistik Nadi Kehidupan

## OBJEKTIF

Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian

Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar

Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data

Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum

Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan

Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi

Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna.

## FUNGSI

Di bawah **"Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)"**, fungsi utama Jabatan Perangkaan Malaysia ialah:



Mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain.



Menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka.

## PERANAN

Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.



## DASAR KUALITI

DOSM komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti. Ia dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota Jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan.

## PIAGAM PELANGGAN

DOSM komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, *reliable* dan berintegriti iaitu:

**1** Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara atas talian mengikut **Kalendar Keluaran Awalan (Advanced Release Calendar - ARC)** yang ditetapkan.

**2** Memastikan prasarana **eStatistik** boleh diakses 24 jam sehari.

**3** Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan:

- Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja;
- Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja;
- Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja; atau
- Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari bekerja.



DOSM sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:

**01** Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan; dan

**02** Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh 7 hari bekerja.

# NILAI TERAS

Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif DOSM, semua anggota DOSM perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:

## KEPUASAN PELANGGAN

**01**

Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna perangkaan. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

## PROFESIONALISME

**02**

Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan mempunyai komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.

## INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI

**04**

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

## KOMPETEN

**03**

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.

## BERHEMAT DAN BERWIBAWA

**05**

Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, dan sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.


## SEMANGAT BERPASUKAN

**06**

Penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.

# ORGANISASI DOSM

# CARTA ORGANISASI



# PENGURUSAN

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**  
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



**DATIN SERI ROZITA BINTI TALHA**  
TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN  
PROGRAM EKONOMI



**PUAN HAJAH NAZARIA BINTI BAHRUDIN**  
TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN  
PROGRAM SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL



# PENGURUSAN KORPORAT




**PUAN MARIYAM BINTI MOHAMAD**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



**PUAN BETTY BINTI HASAN**  
PENGARAH KANAN  
INSTITUT MAKLUMAT DAN ANALISIS  
PASARAN BURUH (ILMIA)



**ENCIK MOHD YAZID BIN KASIM**  
PENGARAH KANAN  
CHANGE MANAGEMENT  
OFFICE (CMO)



PENGARAH EKSEKUTIF  
MALAYSIAN BUREAU OF LABOUR  
STATISTICS (MBLS)



**PUAN JUNIADAH BINTI ALI**  
PENGARAH  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



**ENCIK MOHD RIDAUDDIN BIN MASUD**  
PENGARAH  
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA  
(ILSM)



**PUAN SITI ZAKIAH BINTI MUHAMAD ISA**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN KOMUNIKASI  
STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

# SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL

PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
PENDUDUK DAN DEMOGRAFI



**PUAN JAMALIAH BINTI JAAFAR**  
PENGARAH  
BAHAGIAN INTEGRASI DAN  
PENGURUSAN DATA



**PUAN RYANTI BINTI SAARI**  
PENGARAH  
BAHAGIAN METODOLOGI  
DAN PENYELIDIKAN

**PUAN SITI ASIAH BINTI AHMAD**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PERANGKAAN HARGA,  
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



**PUAN FUZIAH BINTI MD. AMIN**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
PERTANIAN DAN ALAM SEKITAR



**PUAN ROSLAWATI BINTI YAHYA**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
TENAGA MANUSIA DAN SOSIAL



## EKONOMI

**PUAN NORHAYATI BINTI JANTAN**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
AKAUN NEGARA



**PUAN JAMIA AZNITA BINTI JAMAL**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PETUNJUK EKONOMI



**ENCIK AB. RAHMAN BIN MOHAMAD**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN PENGETAHUAN  
INDUSTRI DAN BINAAN



**ENCIK ZAINUDDIN BIN AHMAD**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PERANGKAAN PERKHIDMATAN



**PUAN SITI HASLINDA BINTI MOHD DIN**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA



**PUAN SHAFIZAERMAWATY BINTI SHAFIE**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
IMBANGAN PEMBAYARAN



## DOSM NEGERI



**ENCIK WAN MOHD SHARULNIZAM  
BIN WAN MOHD NAJURI**  
PENGARAH  
NEGERI JOHOR



**ENCIK MUHAMMAD AMRI  
BIN IDRIS**  
PENGARAH  
NEGERI SELANGOR



**PUAN NORFARIZA HANIM  
BINTI KASIM**  
PENGARAH  
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN



**ENCIK MOHD SUHAMI  
BIN MOHD YUNUS**  
PENGARAH  
NEGERI PULAU PINANG



**ENCIK ZAINOL BIN JAMIL**  
PENGARAH  
NEGERI SABAH



**PUAN DAYANG ROZANA  
BINTI ABANG HASSEN**  
PENGARAH  
NEGERI SARAWAK



**ENCIK ZURAIDY  
BIN HJ. ZAINAL ABIDIN**  
PENGARAH  
NEGERI PERAK



**PUAN SUZANA  
BINTI ABU BAKAR**  
PENGARAH  
NEGERI KEDAH



**PUAN HARTINI  
BINTI YAACOB**  
PENGARAH  
NEGERI SEMBILAN



**ENCIK MOHD. SOFI  
BIN ALI**  
PENGARAH  
NEGERI TERENGGANU



**ENCIK MOHAMAD HAMIZAN  
BIN ABDULLAH**  
PENGARAH  
NEGERI MELAKA



**PUAN YUSNITA  
BINTI MOHD YUSOF**  
PENGARAH  
NEGERI PAHANG



**ENCIK FAREZA  
BIN MOHAMED SANI**  
PENGARAH  
NEGERI KELANTAN



**PUAN PATHMAVATHI  
A/P APPULANAIDU**  
PENGARAH  
NEGERI PERLIS

## LOKASI (IBU PEJABAT, INSTITUT LATIHAN, DOSM NEGERI & PEJABAT OPERASI)



**DOSM PERAK**

- 12 Pejabat Negeri, Ipoh
- 13 Pejabat Operasi Taiping
- 14 Pejabat Operasi Teluk Intan

**DOSM PERLIS**

- Pejabat Negeri, Kangar

**DOSM SELANGOR**

- 15 Pejabat Negeri, Shah Alam
- 16 Pejabat Operasi Gombak
- 17 Pejabat Operasi Kajang

**DOSM TERENGGANU**

- 17 Pejabat Negeri, Kuala Terengganu
- 18 Pejabat Operasi Besut
- 19 Pejabat Operasi Kerteh

**DOSM SARAWAK**

- 19 Pejabat Negeri, Kuching
- 20 Pejabat Operasi Miri
- 20 Pejabat Operasi Bintulu
- 21 Pejabat Operasi Kapit
- 22 Pejabat Operasi Limbang
- 23 Pejabat Operasi Sarikei
- 24 Pejabat Operasi Sibu
- 25 Pejabat Operasi Sri Aman

**DOSM SABAH**

- 27 Pejabat Negeri, Kota Kinabalu
- 28 Pejabat Operasi Keningau
- 29 Pejabat Operasi Kota Marudu
- 30 Pejabat Operasi Sandakan
- 31 Pejabat Operasi Lahad Datu
- 32 Pejabat Operasi Tawau

# KEWANGAN

Pada tahun 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia telah diluluskan peruntukan Belanja Mengurus berjumlah **RM201,675,562.00** berbanding **RM190,388,277.05** pada tahun 2020. Peruntukan Belanja Pembangunan yang telah diluluskan adalah berjumlah **RM142,766,000.00** berbanding **RM159,871,493.28** pada tahun 2020.

## Belanja Mengurus

Peruntukan Belanja Mengurus sebanyak **RM201,675,562.00** meliputi Dasar Sedia Ada (DSA) berjumlah **RM201,035,877.00**, Program Khusus Bertugas Luar Negara berjumlah **RM2,000.00** dan One-Off berjumlah **RM637,685.00**. Sehingga 31 Disember 2021, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Mengurus adalah sebanyak **98.38 peratus** dengan perincian seperti di bawah:

| Dasar          | Peruntukan Sebenar (RM) | Perbelanjaan (RM)     | Baki (RM)           | Prestasi Belanja (%) |
|----------------|-------------------------|-----------------------|---------------------|----------------------|
| DSA            | 201,035,877.00          | 197,782,234.27        | 3,253,642.79        | 98.38                |
| Program Khusus | 2,000.00                | 1,329.36              | 670.64              | 66.47                |
| One-Off        | 637,685.00              | 622,933.70            | 14,751.30           | 97.69                |
| <b>Jumlah</b>  | <b>201,675,562.00</b>   | <b>198,406,497.33</b> | <b>3,269,064.67</b> | <b>98.38</b>         |

## Belanja Pembangunan

Peruntukan Belanja Pembangunan bagi tahun 2021 sebanyak **RM142,766,000.00** melibatkan 11 projek. Sehingga 31 Disember 2021, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Pembangunan adalah sebanyak **96.04 peratus**. Perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan pembangunan adalah seperti jadual di bawah:

| Projek  | Peruntukan Lulus (RM) | Peruntukan Sebenar (RM) | Perbelanjaan (RM) | Peratus Belanja (%) |
|---|-----------------------|-------------------------|-------------------|---------------------|
| National Household Indicators Survey (NHIS)     | 2,500,000.00          | 1,288,015.00            | 840,551.24        | 65.26               |
| Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020        | 16,867,900.00         | 112,993,250.00          | 110,766,735.21    | 98.03               |
| Banci Ekonomi & Perusahaan Kecil Sederhana 2021 | 16,000,000.00         | 10,656,470.00           | 9,142,046.79      | 85.79               |
| Kajian Indikator Baharu Pasaran Buruh           | 1,600,000.00          | 75,180.00               | 50,658.28         | 67.38               |

| Projek  | Peruntukan Lulus (RM) | Peruntukan Sebenar (RM) | Perbelanjaan (RM)     | Peratus Belanja (%) |
|---|-----------------------|-------------------------|-----------------------|---------------------|
| Labour Market Information Analytics Platform (LMIAP)                  | 5,000,000.00          | 7,300.00                | 7,244.00              | 99.23               |
| Pembangunan Sistem Maklumat Pasaran Buruh                             | 57,300.00             | 691,110.00              | 691,105.84            | 100.00              |
| Kajian Perburuhan Kementerian Sumber Manusia                          | 164,550.00            | 164,550.00              | 164,533.20            | 99.99               |
| Survei Guna Tenaga Serta Gaji Dan Upah (SGU)                          | 4,500,000.00          | 2,931,275.00            | 2,571,859.57          | 87.74               |
| Kajian Perburuhan RMKe-12   | 2,000,000.00          | 139,000.00              | 73,553.69             | 52.92               |
| Survei Pendapatan Dan Perbelanjaan Isi Rumah/Kemudahan Asas (HIES/BA) | 28,263,500.00         | 2,052,030.00            | 1,957,281.96          | 95.38               |
| Sistem Maklumat Bersepadu Statistik Newss Fasa V                      | 7,000,000.00          | 11,767,820.00           | 10,844,047.44         | 92.15               |
| <b>Jumlah (RM)</b>  | <b>83,953,250.00</b>  | <b>142,766,000.00</b>   | <b>137,109,617.22</b> | <b>96.04</b>        |

## Kawalan dan Pemantauan

Jabatan sentiasa memastikan pengurusan kewangan adalah cekap dan berkesan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bertanggungjawab memantau perbelanjaan dan pengurusan kewangan Jabatan bagi memastikan peruntukan yang diberikan digunakan secara berhemah dan aktiviti dilaksanakan secara *value for money*.





# AKTIVITI UTAMA DOSM

- Data
- Rangka Statistik
- Konsultansi/ Rundingan Teknikal







# DATA

## DATA PRIMER



Bagi memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai dalam persekitaran global yang dinamik dan mencabar, DOSM bertanggungjawab memungut, mentafsir dan menyebar statistik yang bertepatan masa dan relevan. Memenuhi tujuan tersebut, DOSM telah menjalankan pelbagai banci dan survei secara bulanan, suku tahunan dan tahunan dalam bidang ekonomi dan sosial. Ini adalah termasuk survei-survei *ad hoc* yang dijalankan dari semasa ke semasa.


### Banci dan Survei (Bilangan)



Hasil daripada pelaksanaan banci dan survei, DOSM telah menerbitkan **524 penerbitan** sepanjang tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, **5 penerbitan** merupakan penerbitan baru.

### Penerbitan (Bilangan penerbitan yang diedarkan)







## DATA SEKUNDER

Data sekunder merupakan salah satu data yang digunakan oleh DOSM dalam membuat penyusunan statistik. Data tersebut diperoleh daripada pelbagai sumber termasuk rekod pentadbiran yang diperoleh daripada agensi kerajaan dan swasta.

Hasil daripada pelaksanaan banci dan survei serta penyusunan data sekunder ini, DOSM telah menerbitkan **338 penerbitan** sepanjang tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, **13 penerbitan** merupakan penerbitan baharu.

### Bilangan Penerbitan dan Keluaran




# RANGKA STATISTIK

## **Malaysian Statistical Address Register (MSAR)**

MSAR merupakan **platform pangkalan data tempat kediaman (TK)** yang dibangunkan oleh DOSM bagi menyokong pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Bilangan BP *frozen frame* adalah sebanyak **99,356 BP** dan **9,399,552 TK** (termasuk TK Institusi). Pengemaskinian rangka isi rumah akan dilaksanakan oleh DOSM Negeri melalui platform DSL/DSM setelah selesai data Banci 2020 di migrasi ke dalam server DSL/DSM. Proses pengumpulan data di lapangan menggunakan peranti (tablet atau telefon pintar).

## **Malaysian Statistical Business Register (MSBR)**

MSBR merupakan **sumber data** untuk menyusun maklumat demografi berkenaan **senarai pertubuhan perniagaan yang berstruktur dan syarikat yang beroperasi di Malaysia**. Pengemaskinian rangka pertubuhan dilakukan secara atas talian di bawah platform NEWSS. MSBR berperanan sebagai sumber rangka untuk banci dan survei ekonomi di DOSM. Sehingga 31 Disember 2020, jumlah keseluruhan bilangan pertubuhan di MSBR adalah sebanyak **1,258,763**. Pecahan mengikut sektor adalah seperti berikut:



## KONSULTASI/ RUNDINGAN TEKNIKAL

**296**

Jumlah  
Konsultasi



Kerajaan



Swasta



Institut  
Pengajian  
Tinggi



Antarabangsa  
(*United Nation*  
ESCAP dan UNSC)

**232**

**39**

**11**

**14**



# JABATAN PERANG MALAYSIA



## PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2021

- Peristiwa DOSM
- Keluaran Statistik Baharu
- Diari DOSM 2021





# BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) telah melalui pelbagai cabaran sepanjang pelaksanaannya di mana tempoh pelaksanaan Banci telah dijadualkan semula sebanyak empat kali susulan penularan COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan Banci Malaysia 2020 juga telah disesuaikan semula pelaksanaannya dengan mengambil kira penularan wabak COVID-19.

## MENJEJAKI PERSEDIAAN BANCI KALI KE-ENAM

**12 Julai 2017**

Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia pada tahun 2020.

**Pelaksanaan tiga siri Banci Percubaan**

**24 Julai – 7 Ogos 2019**

Banci Percubaan Pertama



**15 – 22 November 2019**

Banci Percubaan Kedua



**10 – 24 Disember 2019**

Banci Percubaan Ketiga



### Julai – Oktober 2019

Pelaksanaan Pembancian Khas melibatkan pembancian di kawasan pedalaman atau dikenali sebagai BP Optimum.



### 3 Februari 2020

YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali telah menyampaikan watikah Pelantikan Pesuruhjaya Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia di Majlis Penyerahan Arahan Banci.

### 3 Mac 2020

Berdasarkan Pewartaan Arahan Banci dan Pelantikan Pesuruhjaya Banci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengarahkan Banci Penduduk dan Perumahan dibuat di seluruh Malaysia antara 1 Jun hingga 31 Disember 2020. Ketua Perangkawan Malaysia telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Banci berkuatkuasa 1 April 2019.



# PELAKSANAAN DAN CABARAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

## 4 Jun 2020

Penyesuaian kaedah pelaksanaan Banci 2020 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemahah Menteri melalui Memorandum daripada Perdana Menteri bertajuk "Penyesuaian Kaedah Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020" di mana pelaksanaan Banci Malaysia 2020 dijalankan dalam dua fasa berikut pandemik COVID-19.



## 7 Julai 2020

Operasi Banci dimulakan serentak di seluruh Malaysia. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menjadi responden pertama mengisi Banci secara dalam talian menggunakan platform e-Census.

## 7 Julai 2020

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 julung kali telah dilancarkan dan dirasmikan oleh Perdana Menteri pada masa itu, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



## 7 Julai 2020 – 30 September 2020

Fasa pertama pembancian bermula melibatkan mod pembancian pengisian soal selidik secara dalam talian melalui Banci dalam talian (e-Census) dan Computer Assisted Telephone Interview (CATI).

## 7–24 Oktober 2020

Operasi pembancian di lapangan secara bersemuka melalui Computer Assisted Personal Interview (CAPI), Paper and Pen Interview (PAPI) dan Drop Off & Pick Up (DOPU) bagi tempat kediaman yang masih belum memberi respon secara atas talian.

## 5 Oktober 2020

DOSM melalui kenyataan media memutuskan untuk menangguhan pelaksanaan Banci Malaysia 2020 Fasa Kedua (Operasi pembancian di lapangan) dan ditunda kepada 20 Januari hingga 6 Februari 2021 susulan daripada peningkatan mendadak kes COVID-19.

## 7 Oktober 2020 – 21 Disember 2020

Pembancian dalam talian e-Census dan *Computer Assisted Telephone Interview* (CATI) disambung semula.



## 24 Mac 2021

Mesyuarat Jemaah Menteri telah dimaklumkan melalui Nota daripada YAB Perdana Menteri berhubung penyusunan semula Banci Malaysia 2020, di mana tempoh operasi pembancian secara bersemuka dilanjutkan sehingga 30 Jun 2021 dan *mopping week* sehingga 31 Julai 2021.

## 11 Januari 2021

Kenyataan media oleh DOSM bagi pemakluman awal penangguhan Banci Malaysia 2020 Fasa Kedua melibatkan temuramah secara bersemuka susulan perutusan khas oleh YAB Perdana Menteri berkenaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



## 20 Mei 2021

DOSM telah mengeluarkan kenyataan media bagi memaklumkan penangguhan operasi pembancian secara bersemuka dan *mopping week* yang dilanjutkan sebelum ini. Namun, Banci dalam talian (e-Census) dan pengumpulan data menggunakan kaedah CATI diteruskan.

### 30 Jun 2021

DOSM telah mengeluarkan kenyataan media bagi memaklumkan bahawa pembancian dalam talian (e-Census) dan pengumpulan data menggunakan kaedah CATI diteruskan sehingga semua penduduk Malaysia dibenci atau liputan penuh dapat dicapai.

### 30 Julai 2021

Jemaah Menteri telah mengambil maklum akan Nota daripada YAB Perdana Menteri berhubung operasi pembancian akan dilaksanakan sehingga 31 Oktober 2021 selaras dengan kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) pada 21 September 2021. DOSM dibenarkan melaksanakan operasi pembancian secara bersemuka dan *Drop Off & Pick Up* (DOPU) dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara dengan syarat petugas pembanci yang terlibat hendaklah lengkap menerima vaksin dan tidak bergejala.



### 1 November 2021

DOSM telah mengadakan Majlis Penutupan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dan mengeluarkan Dapatan Operasi Banci Malaysia 2020.

### 9 Oktober 2021

Banci dalam talian (e-Census) dan pengumpulan data menggunakan kaedah CATI ditutup secara rasmi.

### 31 Oktober 2021

Semua operasi Banci Malaysia 2020 telah ditamatkan.



# SOKONGAN TEKNIKAL BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BANCI MALAYSIA 2020)

DOSM telah mewujudkan *Helpdesk* Sokongan Teknikal Banci Malaysia 2020 bermula pada 6 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2021 bertempat di Bilik PAT Aras 3, BMP, DOSM. Pasukan ini melibatkan semua Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) dan bertanggungjawab membantu DOSM Negeri dalam menyelesaikan isu-isu teknikal menerusi saluran sistem *helpdesk*, e-mel dan kumpulan WhatsApp.




## PROGRAM E-CENSUS DAY BERSAMA PENJAWAT AWAM

Peningkatan kes baharu jangkitan wabak COVID-19 secara mendadak sepanjang tahun 2021 telah memberi cabaran kepada proses pelaksanaan pengumpulan data Banci Malaysia 2020 yang dijalankan melalui temuduga secara bersemuka dan Klinik e-Census. Oleh itu, program secara atas talian ini telah diaturkan untuk dilaksanakan secara berkala, iaitu pada hari khamis setiap minggu sepanjang bulan Mac sehingga Disember 2021 bersama pegawai penyelaras yang bertanggungjawab di Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan yang terpilih.

## PROGRAM COOLING DOWN BANCI MALAYSIA 2020 MENYANTUNI GOLONGAN GELANDANGAN

Program anjuran DOSM ini telah diadakan pada 22 Oktober 2021 bermula di Klang, Selangor yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia. Pada masa yang sama, DOSM Negeri juga membuat pembancian mengenai golongan gelandangan di Kelantan, Sarawak dan Perlis secara serentak. Seterusnya, pelaksanaan program ini diikuti di Kuala Lumpur, Perak dan Terengganu. Ini adalah bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dalam pelaksanaan proses pembancian sejajar dengan sasaran "No One Left Behind".



Pembancian golongan gelandangan di 11 daerah di Sarawak, dengan bilangan 'hotspot' terbesar di daerah Kuching pada 22 Oktober 2021.



Pembancian golongan gelandangan di Perlis pada 23 Oktober 2021.



**Pembancian golongan gelandangan di sekitar Pasar Seni, Bangkok Bank dan Anjung Kelana di Taman Desa, Kuala Lumpur pada 27 Oktober 2021.**



**Pembancian golongan gelandangan di sekitar Bandaraya Ipoh pada 28 Oktober 2021.**



**Pembancian golongan gelandangan di sekitar Bandar Kuala Terengganu pada 28 Oktober 2021.**



# MESYUARAT ANALISIS DATA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020 (BANCI MALAYSIA 2020) SIRI 2

Mesyuarat Analisis Data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) Siri 2 telah diadakan pada 21 hingga 23 Disember 2021 bertempat di Dewan Anggerik, DOSM.



# HARI STATISTIK NEGARA (HSN) 2021

Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) telah disambut mulai tahun 2010 bersempena dengan sambutan Hari Statistik Sedunia (*World Statistics Day*) yang telah diisytiharkan oleh *United Nations General Assembly* (UNGA) dan disambut pada 20 Oktober 2010. Hari Statistik Sedunia Kedua pula disambut pada 20 Oktober 2015 dan seterusnya telah diraikan setiap lima tahun. Pada tahun 2017, Hari Statistik Negara telah diisytiharkan pada setiap 20 Oktober dan ini telah menjadi titik permulaan bagi sambutan secara tahunan.

Tema HSN: “*Connecting the World with Data We Can Trust*”

## OBJEKTIF HSN



# MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA (HSN) 2021 DAN PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KALI KE-8

Majlis sambutan Hari Statistik Negara 2021 dan Persidangan Statistik Malaysia Kali ke-8 telah diadakan di Dewan Anggerik, DOSM pada 20 Oktober 2021 dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) secara maya.



# AKTIVITI UTAMA DAN ROAD TO HSN 2021

The infographic is titled "NATIONAL STATISTICS DAYS 2021 ACTIVITIES 18 – 24 OCTOBER 2021". It features the coat of arms of Malaysia and the logo for "HARI STATISTIK NEGARA 2021". The activities listed are:

- Short Course - MyStats Conference 2021** (Icon: Person at a computer) - Date: 18 OCTOBER 2021
- National Statistics Day 2021 Events (MyStats Day) 2021** (Icon: Calendar with events) - Date: 20 OCTOBER 2021
- MyStats Conference 2021** (Icon: Person at a podium) - Date: 20 OCTOBER 2021
- ESport Tournament Mobile Legend** (Icon: Game controller) - Date: 20 OCTOBER 2021
- Stats Virtual Run/Ride** (Icon: Person running) - Date: 18-24 OCTOBER 2021
- Videographic/Quiz – National Statistics Day 2021 Greetings** (Icon: Quiz with question marks) - Dates: SEPT. – OCT. 2021
- Countdown & Infographics National Statistics Day 2021** (Icon: Stopwatch) - Date: OCTOBER 2021

At the bottom, it says "20 OKTOBER" and "Connecting The World With Data We Can Trust". It also includes the StatsMalaysia logo and social media links.

## Pertandingan Videografik antara Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan secara maya melalui mini webinar bagi pengumuman pemenang pada 26 Februari 2021 dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawhan Malaysia.



## eSport Tournament Mobile Legend

Majlis pelancaran eSport Tournament Mobile Legend telah diadakan pada 16 Oktober 2021. Perlawanan eSport ini telah berlangsung secara FB live bermula pada 16 sehingga 20 Oktober 2021.



## StatsKuiz – Statistik dan Keluarga Malaysia

StatsKuiz – Statistik dan Keluarga Malaysia telah diadakan melalui platform Google Form bersempena dengan Hari Statistik Negara pada 18 Oktober 2021.



## ***Virtual MyStats Run/Ride 2021***

Penganjuran aktiviti *Virtual MyStats Run/Ride 2021* ini telah diadakan melalui aplikasi Strava bermula pada 18 hingga 24 Oktober 2021. Di samping itu, Pertandingan Video Kreatif turut dianjurkan bersekali. Majlis penyampaian hadiah pengumuman pemenang pertandingan ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia pada 19 November 2021.



## Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon 2021

**Tema: "Data Revolution for Sustainable Development"**

**Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon 2021 (MDIT x DVD 2021)** telah diadakan bermula pada 20 Oktober 2021 hingga 11 Disember 2021 secara virtual dengan kerjasama Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor. Program ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 74 kumpulan dengan 296 orang peserta daripada 11 IPTA dan PTS.

Majlis Perasmian **MDIT x DVD 2021** telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi pada 13 November 2021, manakala Majlis Penutup pada 11 Disember 2021 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia.

Tempat pertama pertandingan ini telah dimenangi oleh kumpulan daripada Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), diikuti oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pertandingan kali ini turut memperkenalkan 5 anugerah khas yang diberikan kepada kumpulan yang mencapai *mileage* atau pencapaian tertentu sepanjang MDIT x DVD 2021 ini termasuk Anugerah Khas DOSM.



## Forum bersama Pemain Industri

**Tema: "Data: Evidence-Based Decision Making"**

Forum ini telah diadakan pada 16 November 2021 bertujuan bagi memperluas promosi dan literasi statistik serta memperkasakan komunikasi statistik bersama pemain industri. Forum ini dapat mengerakkan jalinan kerjasama antara DOSM dan Stakeholders, persatuan-persatuan Industri berkaitan serta memberi pendedahan dan pendidikan tentang peranan Jabatan kepada agensi yang terlibat.

Forum yang dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia ini menampilkan empat orang panel bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan kehadiran seramai 450 orang telah menyertai forum tersebut secara maya.




## Bicara Eksekutif: COVID-19 and Forecasting Experience and Impact

Program telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Imran Yassin bin Md Yusof, Ketua Penyelidik, MIDF Amanah Investment Bank Berhad di Dewan Anggerik, DOSM pada 27 Oktober 2021.



## Majlis Bacaan Yasin

Bersempena Hari Statistik Negara 2021 dan sambutan Maulidur Rasul 1443H/2021 peringkat Jabatan Perangkaan Malaysia telah diadakan secara maya melalui platform Microsoft Teams dan disiarkan secara langsung di Facebook rasmi DOSM pada 14 Oktober 2021.



# 8<sup>th</sup> MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE 2021

**Persidangan Statistik Malaysia ke-8 (MyStats 2021)** telah diadakan pada 18 dan 20 Oktober 2021 secara dalam talian yang bertemakan "Navigating Resilient Recovery Through Statistics". Persidangan ini dianjurkan secara bersama oleh tiga buah agensi iaitu Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM). Memandangkan negara masih dalam usaha memerangi wabak COVID-19 dan selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN), maka MyStats 2021 sekali lagi diadakan secara dalam talian.

Penganjuran persidangan ini adalah selari dengan sambutan Hari Statistik Negara 2021 yang disambut pada 20 Oktober 2021. Justeru itu, para Perangkawan, Penyelidik, Pakar Statistik dan pengguna data boleh menjadikan persidangan ini sebagai platform terbaik bagi membentangkan hasil penemuan baharu kajian dan analisis yang terlibat. Di samping itu, dapat bertukar-tukar pandangan serta buah fikiran bagi menangani isu dan cabaran dalam penyusunan, penggunaan dan penyebaran statistik rasmi.

Penganjuran MyStats 2021 terbahagi kepada **dua program** iaitu **Kursus Jangka Pendek pada 18 Oktober 2021** dan **program Persidangan pada 20 Oktober 2021**.

## PERSIDANGAN STATISTIK

Program Persidangan dibahagi kepada tiga sesi iaitu sesi plenari, forum dan selari. Sesi plenari telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia, dengan empat orang ahli panel dijemput khas bagi membicarakan tema pada tahun ini. Bagi sesi forum pula, tiga orang ahli panel telah dijemput dan moderator untuk sesi ini ialah YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Ismail bin Haji Bakar, mantan Ketua Setiausaha Negara. Selain itu, **18 pembentangan secara lisan** dan **23 persembahan poster saintifik** telah dibentangkan semasa sesi selari mengikut lima sub-tema yang telah ditetapkan.

**A**

### Sesi Plenari

*Navigating Resilient Recovery Through Statistics*

**B**

### Sesi Forum

*Perspective in Reducing the Data Collection Predicament during COVID-19*

**C**

### Sesi Selari

Kertas Saintifik dan Poster dengan lima sub-tema iaitu:

- i. Optimising Potential of Granular Data in Evidence-Based Decision Making
- ii. Emerging Statistical Models, Methodologies & Application
- iii. Computing Platforms for Big Data Analytics and Artificial Intelligence
- iv. Data Intelligence: Transforming Statistics to Meaningful Insights
- v. Developing Niche Roles as Statistician and Data Scientist



**PARALLEL SESSION 1 (PS1) b**  
11:00 AM

**Emerging Statistical Models, Methodologies & Application**

- Moderator:** Prof. Dr. Yong Zulina Zubairi
- Presenters:**
  - Rozita Mieran DOSM
  - Nurul Naqiah Mansor DOSM
  - Norainiza Ibrahim DOSM
- Topics:**
  - An Empirical Study on the Returns to Scale of Malaysia's Manufacturing Sector
  - Analysis of Malaysia Input-output Table at Constant and Current Prices
  - A Case Study of Malaysia's FDI in Manufacturing sector towards Exports of Electrical and Electronics.



**PARALLEL SESSION 2 (PS2) b**  
2.00 PM

**Data Intelligence: Transforming Statistics to Meaningful Insights**

- Moderator:** Dr. Norshahida Shaadan
- Presenters:**
  - Anisa Mohammad Azahari DOSM
  - Jamalish Jaafar DOSM
  - Faizah Rusnanti Tajul Anus DOSM
- Topics:**
  - Repercussion of Covid-19 Towards Market and Command Economic Points in Sarawak.
  - Public Maturity Assessment on Official Statistics. Using Web Analytics to Understand Insight of Perception Developed by Media and DOSM User Needs
  - Unemployment News Type in Malaysia By Topic Modelling and Cluster Analysis Approach



**PARALLEL SESSION 2 (PS2) c**  
2:00 PM

**Developing Niche Roles as Statistician and Data Scientist**

- Moderator:** Mdm Noraliza Mohamad Ali
- Presenters:**
  - Dr. Chiueng Ching Ho BNM
  - Ismail Irayad PETRONAS
  - Yee Ling Pang UMS
- Topics:**
  - What does it take to be a data scientist in the public services industry?
  - Developing Data Policy for the Future
  - Quantifying the Impact of the U.S. Balance Sheet Policy on Financial Condition in Malaysia using a Newly Developed Financial Condition Index



# KURSUS JANGKA PENDEK

Kursus Jangka Pendek yang diadakan secara dalam talian telah menjemput 6 orang penceramah yang terdiri daripada penceramah tempatan dan antarabangsa untuk berkongsi kepakaran dan ilmu pengetahuan masing-masing berdasarkan tema MyStats 2021 seperti berikut:

| Sesi | Tajuk   | Penceramah                    | Organisasi                             |
|------|---|-------------------------------|--|
| 1a   | <i>Forecasting of Economic Indicators During the COVID-19 Pandemic Using Time Series Method</i>             | Prof. Dr Sallahuddin Hassan   | Universiti Utara Malaysia              |
| 1b   | <i>Linking Climate-related and Macroeconomic/ Financial Data</i>  | James William Tebrake         | International Monetary Fund (IMF)      |
| 1c   | <i>Crescent Moon Sighting in Malaysia - A Comprehensive Approach with Statistical Data Science</i>          | Prof. Dr. Ibrahim Mohamed     | Universiti Malaya                      |
| 2a   | <i>Learning from Case Studies: Some Examples from Statistical Offices in New Zealand and United Kingdom</i> | Len Cook                      | University of Wellington, New Zealand  |
| 2b   | <i>Governance in Statistical Data Sharing</i>   | Bruno Tissot                  | Bank of International Settlement (BIS) |
| 2c   | <i>Statistics Publication Workshop</i>  | Prof. Madya. Dr. Arifah Bahar | Universiti Teknologi Malaysia          |

## Agenzia Swasta dan IPT yang terlibat



# FORUM PASARAN BURUH 2021

**Forum Pasaran Buruh 2021** bersama Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan pada 16 Disember 2021. Forum yang dilaksanakan secara sidang video ini melibatkan kehadiran peserta daripada pelbagai agensi.

Tema forum ialah ***"Stabilising the Labour Market towards Rejuvenating the Economy"*** ini dianjurkan dengan objektif seperti berikut:

01

Mengenal pasti hala tuju serta cabaran dalam pasaran buruh negara

02

Memperluas dan memperkuuh jaringan kerjasama strategik MBLS dengan pelbagai pihak berkepentingan



# KELUARAN STATISTIK BAHARU

## STATISTIK BAHARU DALAM PENERBITAN PENGGUNAAN ICT DAN E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN

DOSM telah mengeluarkan statistik baharu dalam penerbitan Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan Tahun 2020. Statistik ini ialah Penggunaan Teknologi Digital, Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan semasa Fasa Kawalan Pergerakan dan Indikator Jangka Pendek bagi Pendapatan E-Dagang. Statistik ini telah pertama kali diterbitkan pada bulan Julai 2021.



## KAJIAN KEPERLUAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING DAN PENENTUAN AGENSI KAWAL SELIA (AKS) BAGI SUBSEKTOR GUDANG DARAT

Kajian ini bertujuan untuk melihat keperluan penggajian pekerja asing dalam Subsektor Gudang Darat dan mengenalpasti agensi manakah yang perlu dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia penggajian pekerja asing bagi subsektor ini. Subsektor Gudang Darat adalah merujuk kepada perkhidmatan pergudangan yang beroperasi di luar kawasan pelabuhan dan lapangan terbang. Subsektor ini memainkan peranan penting dalam ekosistem rantai bekalan dan menyumbang kepada kecekapan keseluruhan industri logistik. Kajian ini telah dilaksanakan pada 1 April 2021 dan selesai pada 30 November 2021.

Laporan kajian telah dikemukakan kepada Sekretariat Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia mengenai Pengurusan Pekerja Asing pada 14 Disember 2021 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia mengenai Pengurusan Pekerja Asing.



# ANALISIS DATA RAYA: STATISTIK KEMALANGAN PEKERJAAN NEGARA 2020


Statistik kadar kemalangan pekerjaan yang diperincikan mengikut jenis kemalangan dan kecederaan, punca kemalangan, faktor penyebab kemalangan, industri dan negeri bagi tahun 2020 adalah berdasarkan data kemalangan pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Sumber Manusia.

Statistik kemalangan pekerjaan amat penting untuk menilai sejauh mana tempat pekerjaan dan persekitaran kerja selamat dan terjamin. Statistik ini menyediakan maklumat pendedahan pekerja terhadap risiko di tempat kerja dan memaparkan golongan pekerja yang paling mudah terdedah kepada kemalangan pekerjaan.


Statistik ini membantu membuat dasar dalam menumpukan usaha agar langkah-langkah yang diambil memberikan impak yang sewajarnya, misalnya, dengan merancang kempen keselamatan tertentu atau lawatan pemeriksaan yang lebih bersasar secara efektif. Selain itu, statistik ini berguna untuk mengenal pasti bahaya dan risiko baharu pekerjaan.

Walaupun objektif utama statistik kemalangan pekerjaan adalah memberikan maklumat untuk tujuan pencegahan, ia juga boleh digunakan untuk tujuan lain, seperti menganggarkan kesan kemalangan pekerjaan dari segi kehilangan hari bekerja, kehilangan pendapatan atau kehilangan pengeluaran, yang seterusnya boleh meningkatkan kesedaran tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Statistik ini juga merupakan salah satu pengukuran bagi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang memberi tumpuan kepada perlindungan hak-hak pekerja dan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat dan terjamin untuk semua pekerja.

Sasaran dan Indikator yang terlibat adalah Sasaran 8.8: Melindungi hak buruh dan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat dan terjamin untuk semua pekerja, termasuk pekerja migran, khususnya migran wanita, dan mereka yang dalam pekerjaan berbahaya dan Indikator 8.8.1: Kecederaan berkaitan kerja yang boleh membawa maut dan tidak membawa maut bagi setiap 100,000 pekerja mengikut jantina dan status migran.



# LANDSKAP PENAWARAN PEKERJAAN DI MALAYSIA BAGI SUKU KEDUA, 2021



Statistik dikeluarkan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berdasarkan dua dashboard Analisis Data Raya iaitu *Job Market Insights* dan *My Job Profile*. Statistik ini disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklan dalam talian oleh pelbagai syarikat pada suku kedua, 2021 yang meliputi pelbagai industri dalam tempoh rujukan. Laporan tersebut mengandungi maklumat mengenai kekosongan pekerjaan dalam talian yang diminta oleh majikan dari pelbagai aspek seperti jenis pekerjaan, lokasi, industri, kemahiran, bidang pengajian, dan lain-lain.


*Job Market Insights* (JMI) memaparkan ringkasan maklumat jawatan kosong dalam talian di Malaysia. JMI bertujuan untuk menilai perubahan permintaan tenaga buruh dari masa ke masa, di samping membantu pihak yang berminat untuk mengumpulkan maklumat bagi membuat keputusan.

*My Job Profile* adalah portal maklumat kerjaya dalam talian yang menawarkan perincian mendalam mengenai pekerjaan di Malaysia mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO). Melalui portal ini, maklumat pekerjaan yang berkualiti dan terkini akan tersedia untuk pelbagai kategori pengguna bagi membantu mereka membuat keputusan yang tepat mengenai kerjaya dan aspirasi masa depan mereka.

*Job Market Insights* dan *My Job Profile* boleh digunakan oleh pembuat dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain untuk kajian yang berkaitan dengan pasaran buruh. Diharapkan laporan ini dapat membantu permintaan statistik pasaran pekerja yang semakin meningkat.

## **EMPAT (4) ARTIKEL STATISTIK BAHARU BAGI PENERBITAN ANGGARAN PENDAPATAN ISI RUMAH DAN INSIDEN KEMISKINAN 2020**


## Perubahan Gaya Hidup dan Persepsi Terhadap Petugas Kesihatan (*Frontliners*) semasa Pandemik COVID-19




## Kesan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 Terhadap Syarikat/Perniagaan di Malaysia



## COVID-19: Kesan Terhadap Ekonomi dan Individu di Malaysia



## Impak Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 Bagi Mengkekang COVID-19 Kepada Syarikat dan Firma Perniagaan di Malaysia




## LAPORAN SURVEI PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR 2020

Laporan ini diterbitkan pada 23 Jun 2021 dan membentangkan statistik perbelanjaan perlindungan alam sekitar bagi tahun rujukan 2019. Sektor yang diliputi adalah pertanian, perhutanan & perikanan; perlombongan & pengkuarian; pembuatan; pembinaan dan perkhidmatan. Konsep dan definisi yang digunakan dalam survei ini adalah berdasarkan *Environmental Expenditure Statistics: Industry Data Collection Handbook 2005* oleh Eurostats; *Classification of Environmental Protection Activities and Expenditure (CEPA) 2000* oleh Statistical Office of the European Communities dan *Glossary of Statistical Terms* oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). Statistik yang dilaporkan dalam penerbitan ini meliputi perbelanjaan modal dan operasi bagi pengurusan pencemaran, pengurusan sisa, penilaian dan caj alam sekitar, perlindungan hidupan liar & habitat dan perbelanjaan lain untuk perlindungan alam sekitar.



## KOMPENDIUM PERANGKAAN ALAM SEKITAR, MALAYSIA, 2021

Penerbitan ini memaparkan statistik alam sekitar yang meliputi enam komponen iaitu Keadaan dan Kualiti Alam Sekitar; Sumber Alam Sekitar dan Kegunaannya; Sisa; Kejadian Ekstrem dan Bencana; Penempatan Penduduk dan Kesihatan Persekutaran; dan Penglibatan, Pengurusan dan Perlindungan Alam Sekitar. Statistik ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan, sektor swasta, ahli akademik serta individu sebagai rujukan dalam menjalankan penyelidikan dan penganalisisan. Rangka kerja yang digunakan adalah berdasarkan *Framework for the Development of Environment Statistics (FDES)*, United Nations 2013. Statistik ini diterbitkan pada 29 November 2021.



# STATISTIK ALAM SEKITAR 2020

Statistik Alam Sekitar 2020 merupakan penerbitan baharu yang memaparkan statistik alam sekitar bagi 14 negeri merangkumi enam (6) komponen iaitu Keadaan dan Kualiti Alam Sekitar; Sumber Alam Sekitar dan Kegunaannya; Sisa; Kejadian Ekstrem dan Bencana; Penempatan Penduduk dan Kesihatan Persekutuan; dan Penglibatan, Pengurusan dan Perlindungan Alam Sekitar. Statistik ini diterbitkan pada 20 Ogos 2021.



## AKAUN PEMBEKALAN DAN PENGGUNAAN KOMODITI TERPILIH 2016–2020

Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, diterbitkan pada 26 Ogos 2021 memaparkan statistik pengeluaran, eksport dan import serta indikator kadar sara diri, kadar kebergantungan import dan penggunaan per kapita bagi komoditi pertanian terpilih. Statistik dan indikator ini merupakan petunjuk penting bagi melihat kedudukan pertanian negara terutama dalam menentukan jaminan bekalan makanan yang mencukupi. Penerbitan ini membantu agensi kerajaan, pembuat dasar dan penyelidik dalam menilai situasi semasa dan merancang pembangunan sektor pertanian sebagai sumber bahan makanan kepada penduduk dan bahan mentah bagi pembangunan industri berdasarkan pertanian untuk kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.




## INDIKATOR PERTANIAN TERPILIH 2021

Penerbitan tahunan ini memuatkan statistik prestasi ekonomi, guna tenaga, pengeluaran domestik dan perdagangan luar negeri bagi sektor pertanian. Statistik ini dipaparkan dalam tiga subsektor pertanian utama iaitu tanaman, ternakan dan perikanan. Statistik sektor pertanian merupakan input yang penting kepada penyelidik, agensi kerajaan dan pembuat dasar bagi menilai dan merancang pembangunan sektor pertanian. Statistik ini diterbitkan pada 29 November 2021.




## ANALISIS INDEKS HARGA PENGGUNAAN TAHUNAN, 2020

DOSM telah menerbitkan Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan, 2020 pada 25 Mei 2021. Laporan ini merupakan penerbitan baharu yang mengandungi analisis terperinci terhadap data inflasi bagi siri masa 2010 hingga 2020 merangkumi kuasa beli perbelanjaan penggunaan isi rumah, jurang antara bandar dan luar bandar, subkumpulan Makanan dan Minuman serta inflasi kumpulan keperluan dan bukan keperluan. Penyediaan statistik ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Consumer Price Index Manual: Concepts and Methods*, 2020 yang diterbitkan oleh International Labour Office.



# DIARI DOSM 2021




**19 Januari 2021**

Sesi Amanat Ketua Perangkawan Malaysia sempena Kenaikan Pangkat Pembantu Perangkaan Gred E19 ke Gred E22 secara Time -Based (TBK)

**26 Januari 2021**

Program Libat Urus Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN), Ketua Perangkawan Malaysia bersama Pembantu Perangkaan di Ibu Pejabat, DOSM Negeri dan Skim Perkhidmatan Guna Sama di DOSM



**22 Februari 2021**

2021 Malaysia Economic and Strategic Outlook Forum anjuran KSI Strategic Institute for Asia Pacific Sri Michael Y...



**23 Mac 2021**

Lawatan Kerja DOSM ke Pusat Geospatial Negara (PGN)





**15 Mac 2021**

Pelantikan YBhg. Datin Seri Rozita Talha sebagai Timbalan Ketua Perangkawan, Program Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia

**27 - 29 Mac 2021**

Bengkel Pelaksanaan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) di LaCrista Hotel, Melaka



**29 Mac 2021**

Lawatan Kerja DOSM ke Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)



**31 Mac 2021**

Mesyuarat Agung Tri-tahunan Kali Ke-31 Sesi 2021-2023 Kesatuan Pembantu Perangkaan Kerajaan Semenanjung Malaysia (KEPP-STATS)





**23 April 2021**

Penyampaian Watikah Pemangkuan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32

**20 – 23 April 2021**

Sesi Audit Dalam ISO/IEC 27001:2013  
*Information Security Management System* (ISMS) tahun 2021



**5 Mei 2021**

Bengkel Pengurusan Data Bantuan Sosial



**6 Mei 2021**

Sesi Kick-Off Strategi Pengukuhan Sektor Awam



**11 Mei 2021**

Sidang Media Secara Maya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Pertama 2021 bersama Ketua Perangkawan Malaysia dan Gabenor Bank Negara Malaysia

**11 Mei 2021**

Pelancaran Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2021 Peringkat Jabatan Perangkawan Malaysia

**29 Jun 2021**

Sidang Media Secara Maya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2020

**13 Ogos 2021**

Sidang Media Secara Maya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Kedua 2021 bersama Ketua Perangkawan Malaysia dan Gabenor Bank Negara Malaysia



**27 Ogos 2021**

*Virtual Launching on Development of Malaysia's System of Environmental-Economic Accounting (SEEA) Land Account oleh Ketua Perangkawan Malaysia*



**2 September 2021**



Sesi Temuduga Pemangkuan Jawatan  
Perangkawan Gred E48 ke Gred E52

**22 Oktober 2021**

Bengkel Pelan Pelaksanaan Pembangunan  
Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2021-2025,  
Jabatan Perangkawan Malaysia



**12 November 2021**



Pengumuman Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Ketiga 2021,  
Imbangan Pembayaran Suku Tahunan, Suku Tahun Ketiga 2021 dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa, Suku Tahun Ketiga 2021



**1 Disember 2021**

Sesi Temu Duga Pemangkuan Perangkawan Gred E52 ke Gred E54

**6 – 9 Disember 2021**

Taklimat Operasi Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 secara hibrid di Dewan Anggerik



**13 Disember 2021**



Sesi Temuduga Pemangkuan Jawatan Perangkawan Gred E44 ke Gred E48

**14 – 16 Disember 2021**

Pelaksanaan Audit Pensijilan Sistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) *Do-It-Yourself DOSM* oleh pihak auditor dari Jabatan Perdana Menteri (JPM)

**24 Disember 2021**

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29 Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM)

**28 Disember 2021**


Mesyuarat Khas Pasca Bencana Banjir bersama Pengarah Bahagian dan DOSM Negeri





# MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

- Perjawatan 2021
- Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)
- Kursus dan Program Latihan
- Pengiktirafan dan Pencapaian Anggota DOSM
- Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia





# PERJAWATAN 2021

## PERJAWATAN KESELURUHAN DOSM

Secara keseluruhannya, pada tahun 2021 Jabatan Perangkaan Malaysia mempunyai **3,180 perjawatan** terdiri dari **1,028 perjawatan di Ibu Pejabat** dan **2,152 perjawatan di peringkat Negeri**. Bilangan pengisian anggota di DOSM secara keseluruhannya sehingga **31 Disember 2021** adalah pada kadar **92.6%**.

| BIL.          | SKIM PERKHIDMATAN   | GRED JAWATAN | BILANGAN PERJAWATAN | BILANGAN PENGISIAN | PERATUSAN PENGISIAN |
|---------------|---|--------------|---------------------|--------------------|---------------------|
| 1.            | Kumpulan Pengurusan Tertinggi                                   | JUSA         | 11                  | 9                  | 81.8%               |
| 2.            | Kumpulan Pengurusan dan Profesional                             | 41 HINGGA 54 | 456                 | 429                | 94.1%               |
| 3.            | Kumpulan Pelaksana (Kumpulan B) (Gred 29 hingga 40 dan setaraf) | 29 HINGGA 40 | 401                 | 384                | 95.8%               |
| 4.            | Kumpulan Pelaksana (Kumpulan C) (Gred 19 hingga 28 dan setaraf) | 19 HINGGA 28 | 2,182               | 2,007              | 92.0%               |
| 5.            | Kumpulan Pelaksana (Kumpulan C) (Gred 1 hingga 18 dan setaraf)  | 1 HINGGA 18  | 130                 | 117                | 90.0%               |
| <b>JUMLAH</b> |   |              | <b>3,180</b>        | <b>2,946</b>       | <b>92.6%</b>        |

**3,180** BILANGAN PERJAWATAN

**2,946** BILANGAN PENGISIAN

**92.6%** PERATUSAN PENGISIAN

## PENGISIAN ANGGOTA DOSM MENGIKUT JANTINA

| BIL.          | KUMPULAN PERKHIDMATAN             | JANTINA                  |                          |
|---------------|-----------------------------------|--------------------------|--------------------------|
|               |                                   | LELAKI                   | PEREMPUAN                |
| 1.            | <b>Pengurusan Tertinggi</b>       | <b>3</b>                 | <b>6</b>                 |
| 2.            | <b>Pengurusan dan Profesional</b> | <b>150</b>               | <b>279</b>               |
| 3.            | <b>Pelaksana</b>                  | <b>1,035</b>             | <b>1,473</b>             |
| <b>JUMLAH</b> |                                   | <b>1,188<br/>(40.3%)</b> | <b>1,758<br/>(59.7%)</b> |

## PERJAWATAN KADER

Sebanyak **242 perjawatan kader** diwujudkan di pelbagai kementerian, agensi dan jabatan yang lain. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **220 (91.0%)** telah diisi. Penempatan ini adalah berdasarkan waran perjawatan dan kelulusan daripada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam yang dipohon daripada agensi masing-masing.



# INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM)

## LATAR BELAKANG

Pada tahun 1987, Kumpulan Kerja Pembangunan Sumber Manusia telah ditubuhkan bagi merancang pembangunan program latihan di DOSM. Ini disusuli dengan pengwujudan Bahagian Pembangunan Perangkaan pada tahun 1990 yang bertanggungjawab menyediakan program latihan dalaman untuk warga DOSM. Sejakar dengan dasar kerajaan yang menekankan pembangunan sumber manusia, penjenamaan semula Bahagian ini dilaksanakan pada tahun 2003 dengan jumlah perjawatan seramai 21 orang dan dikenali sebagai Bahagian Latihan Perangkaan.

Selaras dengan Teras Kedua Misi Nasional iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, Kerajaan telah meluluskan permohonan DOSM untuk membina ILSM di bawah projek *Public Fund Initiatives* (PFI). Pembinaan ILSM telah dimulakan pada 15 Mei 2008 dan siap sepenuhnya bagi fasa pertama pada 28 Disember 2011 dengan keluasan tanah 40.5 ekar di Sungkai, Perak Darul Ridzuan.

Pembangunan ILSM seterusnya dilengkapkan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh pada 24 Jun 2014 dengan kemudahan fasiliti blok pentadbiran, blok penginapan, dewan serbaguna, surau dan kemudahan riadah. Institut ini dilengkapi dengan enam bilik kuliah, sepuluh bilik sindiket, perpustakaan, tiga makmal komputer dan satu makmal inovasi. Institut ini boleh menampung seramai 150 orang peserta dalam satu masa dengan kemudahan sejumlah 100 bilik penginapan. ILSM telah memulakan operasi pada 3 Januari 2012 dengan kekuatan perjawatan seramai 28 anggota dan pelaksanaan kursus pertama adalah pada 5 Mac 2012.



**VISI****Institusi Pembangun  
Kompetensi Statistik  
yang Dinamik**

ILSM sebagai institusi latihan dalam bidang berkaitan statistik komited untuk menyediakan pakej pembelajaran yang menepati keperluan semasa. Institut beriltizam memantapkan kompetensi perkhidmatan statistik yang berpaksikan modal insan berpengetahuan tinggi.

**MISI****Memperkasa Modal Insan  
ke Arah Penyampaian  
Perkhidmatan Statistik  
Mutakhir dan Andal**

Misi ILSM untuk memperkasa modal insan adalah berteraskan kepada pembangunan kemahiran dan pengetahuan personel. Pemantapan kompetensi anggota menjamin perkhidmatan statistik yang disampaikan adalah seiring dengan permintaan terkini dan andal.



## KURSUS DAN PROGRAM LATIHAN

Sepanjang tahun 2021, sebanyak **10 kursus dalam** telah dilaksanakan secara atas talian dan **2 kursus secara bersemuka**. Perincian kategori kursus adalah seperti berikut :

| BIL.          | KATEGORI KURSUS | BILANGAN KURSUS | BILANGAN PESERTA |
|---------------|-----------------|-----------------|------------------|
| 1.            | Functional      | 9               | 329              |
| 2.            | ICT             | 1               | 38               |
| 3.            | Generik         | 2               | 28               |
| <b>JUMLAH</b> |                 | <b>12</b>       | <b>395</b>       |

### 9 – 10 Mac

- Pengenalan Kepada Statistik

### 16 – 17 Mac

- Kod dan Klasifikasi Untuk Organisasi
- Pengenalan Kepada Statistik Demografi

### 6 – 7 April

- Asas Statistik

### 19 – 21 April

- Persediaan Persaraan

### 21 April – 4 Mei

- Kursus Pengenalan Banci dan Penyiasatan Ekonomi

### 30 Jun – 1 Julai

- Asas Perakaunan Perniagaan

### 27 – 28 Julai

- Asas Sains Data

### 21 September

- Seminar Kolokium Statistik dan Scientific Poster 2021



**20 Oktober**

- *The 8<sup>th</sup> Malaysia Statistics Conference 2021: Navigating Resilient Recovery Through Statistics*

**10 - 12 November**

- *English Communication For Executives*

**15 - 27 November**

- *Statistical Competencies Development Programme (SCDP)*
- Lantikan baru perangkawan gred E19


**15 November 2021 - 7 Januari 2022**

- *Statistical Competencies Development Programme (SCDP)*
- Lantikan baru perangkawan gred E29 dan E41



Sepanjang tahun 2021 juga, terdapat sebanyak **530 kursus/ seminar/ bengkel luar Jabatan** telah dijalankan melibatkan seramai **1,438 orang Pegawai/ Kakitangan DOSM** secara dalam talian dan fizikal seperti perincian berikut :

| BIL. | KURSUS                  | BILANGAN KURSUS/<br>SEMINAR/ BENGKEL | BILANGAN PESERTA |
|------|-------------------------|--------------------------------------|------------------|
| 1.   | Luar Jabatan (Kerajaan) | 468                                  | 1,151            |
| 2.   | Luar Jabatan (Swasta)   | 62                                   | 287              |
|      | JUMLAH                  | 530                                  | 1,438            |



# PENGITIRAFAN DAN PENCAPAIAN ANGGOTA DOSM

## PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT 2021

### Persekutuan

#### Bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N)

Encik Razale bin Ibrahim  
Ketua Penolong Pengarah (F48)  
Bahagian Pengurusan Maklumat, DOSM

#### Pingat Pangkuhan Negara (P.P.N)

Encik Abdul Shafri bin Baharuddin  
Pembantu Perangkaan Kanan (E26)  
DOSM Perak



### Negeri Pulau Pinang

#### Bintang Cemerlang Negeri (B.C.N)

YBrs. Tuan Haji Mohd Suhaimi bin Mohd Yunus  
Pengarah (E54)  
DOSM Pulau Pinang

### Negeri Johor

#### Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjungi Pangkat Ketiga Setia Mulia Sultan Ibrahim Johor (SIJ)

YBrs. Tuan Wan Mohd Sharulnizam bin Wan Mohd Najuri  
Pengarah (E54)  
DOSM Johor



### Negeri Sarawak

#### Anugerah Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak, Pegawai Bintang Kenyalang (P.B.K)

YBrs. Puan Dayang Rozana binti Abang Hassan Pengarah (E54)  
DOSM Sarawak

#### Pentadbiran Awam Perkhidmatan Terpuji (Gangsa) (P.P.T)

Encik Johannes Jeshua Anak Bayang  
Penolong Pegawai Perangkaan (E32)



#### Pentadbiran Awam Perkhidmatan Terpuji (Gangsa) (P.P.T)

Encik Ngang Kuweng  
Pembantu Perangkaan Kanan (E28)

### Negeri Perak

#### Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T)

Encik Mohd Ariff bin Tajol Aripin  
Pembantu Perangkaan (E26)  
DOSM Perak

### Pentaulahan sebagai Certified Trainer bagi Program Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR)

Encik Ahmad Shahrohman bin Mansor, Penolong Pengarah (M44), Bahagian Khidmat Pengurusan DOSM telah menerima pentaulahan sebagai **Certified Trainer** bagi Program **Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR)** oleh YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) pada 30 September 2021.

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)



Pada 1 November 2021, DOSM telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2020 dan Majlis Jasamu Dikenang Jabatan Perangkaan Malaysia 2021 bertempat di Dewan Anggerik, Aras 2, Jabatan Perangkaan Malaysia. Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Jabatan yang telah berjaya memberi perkhidmatan cemerlang serta memberi galakan kepada warga lain untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Jabatan. Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama warga DOSM dengan Pihak Pengurusan DOSM.

| KUMPULAN PERKHIDMATAN       | JUMLAH     |
|-----------------------------|------------|
| Pengurusan dan Professional | 41         |
| Pelaksana                   | 193        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>   | <b>234</b> |

## DOSM Johor

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 telah diadakan pada 3 Disember 2021 di Dewan KEJORA, Bandar Penawar, Kota Tinggi Johor. Seramai 17 orang pegawai DOSM dan 17 orang Personel MyStep (PMS) telah menerima anugerah tersebut. Sijil penghargaan turut diberikan kepada 12 orang MyAD dan 147 orang MyCD Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.



## DOSM Selangor dan Wilayah Persekutuan

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 dan Jasamu Dikenang 2021 Jabatan Perangkaan Malaysia Zon Tengah telah diadakan pada 23 November 2021 di Shah Alam Convention Centre, Shah Alam. Seramai 15 orang penerima APC DOSM Selangor, 10 orang penerima APC Personel MyStep (PMS), 4 orang pesara DOSM Selangor dan 15 orang penerima APC DOSM Wilayah Persekutuan telah diraihkan.

### APC Wilayah Persekutuan



### APC Selangor



## DOSM Perak dan ILSM

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Apresiasi Pesara 2020 DOSM Perak bersama Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) telah diadakan di Perak Royal Golf Club, Ipoh, Perak pada 22 November 2022. Seramai 15 orang penerima APC Tahun 2020 DOSM Perak dan seorang penerima APC ILSM menerima sijil penghargaan masing-masing. Majlis turut memberi sijil penghargaan kepada penerima APC Personel MyStep (PMS) DOSM Perak seramai 11 orang dan juga seorang penerima APC Personel MyStep (PMS) ILSM. Seramai 3 orang pesara DOSM Perak yang telah bersara pada tahun 2021 diraikan dalam majlis ini bersama 5 orang anggota DOSM Perak yang telah bertukar keluar.



## DOSM Pulau Pinang, Kedah dan Perlis

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 dan Apresiasi 2021 DOSM Pulau Pinang, Kedah dan Perlis telah diadakan pada 17 November 2021 bertempat di Dewan Seminar Seameo Recsam, Pulau Pinang. Seramai 31 orang Penerima APC 2020 dan 3 orang pesara telah diraikan semasa majlis ini.

| APC 2020 BAGI ANGGOTA TETAP DOSM NEGERI | JUMLAH          |
|---|-----------------|
| <b>Pulau Pinang</b>                     | <b>9 orang</b>  |
| <b>Kedah</b>                            | <b>10 orang</b> |
| <b>Perlis</b>                           | <b>3 orang</b>  |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>               | <b>22 orang</b> |

| <b>APC 2020 BAGI ANGGOTA PERSONEL MYSTEP<br/>(PMS) DOSM NEGERI</b> |  | <b>JUMLAH</b>  |
|--|--|----------------|
| Pulau Pinang   |  | 4 orang        |
| Kedah  |  | 4 orang        |
| Perlis   |  | 1 orang        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>  |  | <b>9 orang</b> |
| <b>APRESIASI 2021 DOSM NEGERI</b>                                  |  | <b>JUMLAH</b>  |
| Pulau Pinang   |  | 2 orang        |
| Kedah  |  | 1 orang        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>  |  | <b>3 orang</b> |



## DOSM Sabah

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 dan Majlis Jasamu Dikenang 2021 telah diadakan pada 26 November 2021 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah. Majlis tersebut telah meraikan seramai 23 orang penerima APC dan 7 orang pesara DOSM.



## DOSM Sarawak

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 dan Jasamu Dikenang 2021 telah diadakan pada 29 November 2021 di Dewan Sri Bunga Rampai, Kuching, Sarawak. Majlis tersebut telah meraikan seramai 21 orang warga tetap DOSM Sarawak dan 20 Personel MyStep (PMS) serta 2 orang pesara DOSM.



## DOSM Kelantan

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 dan Jasamu Dikenang 2021 serta penyampaian sijil penghargaan MyAD dan MyCD Banci Penduduk dan Perumahan 2020 telah diadakan pada 31 Oktober 2021 di Grand Rennai BallRoom, Kota Bharu, Kelantan. Majlis tersebut telah meraikan seramai 7 orang warga tetap DOSM.



## DOSM Negeri Sembilan

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 telah diadakan pada 29 November 2021 di Hotel Tasik Villa, Port Dickson, Negeri Sembilan. Majlis tersebut telah meraikan seramai 6 orang warga tetap DOSM Negeri Sembilan dan 2 orang Personel MyStep (PMS).

## DOSM Terengganu

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 telah diadakan pada 28 April 2021 di Dewan Perpustakaan Negeri Terengganu. Seramai 7 orang penerima APC 2020 telah diraikan semasa majlis ini.



## DOSM Pahang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 dan Jasamu Dikenang 2021 telah diadakan pada 10 Disember 2021 di Dewan Auditorium JPAM, Kuantan, Pahang. Majlis tersebut telah meraikan seramai 70 orang warga DOSM Pahang.



# LAWATAN RASMI KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

Sepanjang tahun 2021, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke DOSM Negeri dan Pejabat Operasi (PO). Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau perkembangan pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 bagi menyantuni komuniti setempat di samping menyampaikan amanat serta beramah mesra dengan warga DOSM.

## Jadual Lawatan Rasmi ke DOSM Negeri 2021

**12 Mac 2021**

Pejabat Operasi Kajang, Selangor



**5 Mac 2021**

Pejabat Operasi Putrajaya



**27 Mac 2021**

DOSM Melaka

**9 April 2021**

DOSM Negeri Sembilan



**28 April 2021**

DOSM Terengganu



**21 – 22 April 2021**

DOSM Wilayah Persekutuan

## Jadual Lawatan Rasmi ke DOSM Negeri 2021

**30 – 31 Oktober 2021**  
DOSM Kelantan



**17 November 2021**  
DOSM Pulau Pinang



**25 November 2021**  
DOSM Sabah



**22 Oktober 2021**

DOSM Selangor



**2 – 3 November 2021**

DOSM Johor



**23 November 2021**

DOSM Perak



**10 Disember 2021**

DOSM Pahang





# MODENASI DAN INOVASI

- Dashboard
- Portal Data
- Aplikasi Mudah Alih (*Mobile Apps*)





# DASHBOARD

## Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring Dashboard

*SDG Dashboard* merupakan satu inisiatif untuk mempromosikan dan seterusnya meningkatkan literasi berkaitan SDG. Platform ini menyediakan paparan visual interaktif yang memudahkan pengguna untuk membuat carian indikator SDG bagi 17 Matlamat di peringkat nasional dan daerah pentadbiran. Di samping itu, *SDG Dashboard* memainkan peranan penting dalam penyebaran indikator SDG bagi tujuan pemantauan ke arah Agenda 2030.

**SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOAL 1**  
Goal 1: End poverty in all its forms everywhere!

7 targets      14 indicators

[Read More](#)

**Sustainable Development Goals**

Sustainable Development Goals

|  |                                |  |  |                          |                                     |                                      |  |
|--|--------------------------------|--|--|--------------------------|-------------------------------------|--------------------------------------|--|
| <b>1 NO POVERTY</b>                              | <b>2 ZERO HUNGER</b>           | <b>3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING</b>          | <b>4 QUALITY EDUCATION</b>                       | <b>5 GENDER EQUALITY</b> | <b>6 CLEAN WATER AND SANITATION</b> | <b>7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY</b> | <b>8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH</b>         |
| <b>9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE</b> | <b>10 REDUCED INEQUALITIES</b> | <b>11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES</b> | <b>12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION</b> | <b>13 CLIMATE ACTION</b> | <b>14 LIFE BELOW WATER</b>          | <b>15 LIFE ON LAND</b>               | <b>16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS</b> |
| <b>17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS</b>             |                                |  |  |                          |                                     |                                      |  |

Paparan utama *SDG Dashboard*



QR-Code untuk ke paparan utama *SDG Dashboard*

## Sistem Analitik Pertanian (*Agricultural Analytical System*)

Perkembangan data raya dan ketersediaan teknologi telah mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang agensi kerajaan dan swasta bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah Data Raya Sektor Awam (DRSA 2.0) dengan objektif seperti berikut:

Meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan berpacuan analitis data;


Mengoptimumkan penggunaan dan perkongsian data bagi membudayakan inovasi penciptaan produk data yang berpaksikan rakyat; dan

Membangunkan kompetensi penjawat awam dalam bidang sains data.



QR-Code untuk ke paparan utama Sistem Analitik Pertanian

Sistem Analitik Pertanian yang dibangunkan secara pendekatan *coaching* dengan pihak MAMPU merupakan salah satu projek di bawah inisiatif Projek Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA 2.0) dan telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawhan Malaysia pada 23 Mac 2021. Inisiatif DOSM melalui projek ini adalah bagi memberi nilai tambah kepada pengguna berkaitan produk pertanian dengan menyediakan statistik dalam paparan interaktif *dashboard* bagi empat subsektor pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan serta data pengeluaran dan penggunaan komoditi pertanian terpilih dalam negara. Visual interaktif yang memaparkan statistik berkaitan produk pertanian ini boleh diakses melalui Portal DOSM. Pengguna bebas memilih data yang dikehendaki mengikut pilihan negeri dan boleh dimuat turun secara percuma. Sesi showcase produk DRSA 2.0 telah dianjurkan oleh pihak MAMPU pada 10 November 2021 bertempat di Hotel Tenera, Bangi dengan penglibatan kementerian/agensi yang terlibat seperti Kementerian Kesihatan Malaysia.



## Tourism Dashboard

*Tourism Dashboard* yang mengandungi data dan maklumat berkaitan pelancongan telah dilancarkan pada 20 April 2021 oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia. Objektif pembangunan *dashboard* ini adalah bertujuan memudahkan pengguna mengakses indikator dan statistik yang berkaitan dengan sektor pelancongan. *Tourism Dashboard* merupakan gabungan daripada pelbagai sumber data yang melibatkan Akaun Satelit Pelancongan dan Statistik Pelancongan Domestik yang diterbitkan oleh DOSM serta indikator daripada *Tourism Malaysia*. *Dashboard* ini merangkumi data siri masa dan indikator yang signifikan bagi memantau prestasi sektor pelancongan. Di samping itu, manual-manual rujukan daripada badan Antarabangsa serta polisi yang dikeluarkan oleh kerajaan berkaitan pelancongan turut dimuat naik ke dalam platform *dashboard* ini.



QR-Code untuk ke paparan utama *Tourism Dashboard*

## Analisis Data Raya: Statistik Kemalangan Pekerjaan Negara (*National Occupational Accident Statistics*)

Analisis Data Raya: Statistik Kemalangan Pekerjaan Negara telah dilancarkan pada 22 Julai 2021 dan mengandungi statistik kadar kemalangan pekerjaan yang diperincikan mengikut jenis kemalangan dan kecederaan, punca kemalangan, faktor penyebab kemalangan, industri dan negeri. Statistik ini adalah berdasarkan data kemalangan pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Sumber Manusia. Tujuan utama Analisis Data Raya ini dibangunkan adalah bagi membangunkan proses automasi yang menggabungkan pelbagai sumber data untuk mengeluarkan indeks/ kadar kemalangan pekerjaan kebangsaan mengikut indikator ekonomi dan kemalangan terpilih. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyebarkan maklumat melalui visualisasi yang mesra pengguna. Bilangan pengguna yang dicatatkan sepanjang tahun 2021 adalah sebanyak 21,725 pengguna.



QR-Code untuk ke paparan utama *National Occupational Accident Statistics*

## Analisis Data Raya: Job Market Insights

Analisis Data Raya: *Job Market Insights* telah dilancarkan pada 25 Oktober 2021 dan dibangunkan bertujuan untuk memberi imbasan kekosongan pekerjaan yang dikelaskan mengikut industri, kemahiran, tahap akademik, bidang pengajian dan negeri. Elemen interaktif dan penggunaan visualisasi yang menarik dan mudah difahami dapat membantu pemegang taruh merancang aktiviti berkaitan pembangunan kerjaya dan pembangunan kemahiran yang diperlukan industri. Objektif utama adalah untuk memaparkan statistik kekosongan pekerjaan dalam pasaran buruh Malaysia yang diperincikan mengikut kategori industri, pekerjaan, kemahiran, negeri dan lain-lain. Analisis Data Raya: *Job Market Insights* telah dibentangkan di 8th Malaysia Statistics Conference 2021 menerusi kertas pembentangan bertajuk *Labour Market Information: The Development of Job Market Insights in Malaysia Context*. Platform ini telah mencatatkan sebanyak 39,947 bilangan pengguna sepanjang tahun 2021.



QR-Code untuk ke paparan utama *Job Market Insights*



## MyLocal Stats

Visual Interaktif *MyLocal Stats* versi portal DOSM yang dimuatnaik ke Portal Jabatan meliputi 17 bidang utama dan mengandungi 332 indikator ekonomi dan sosial peringkat negeri dan daerah pentadbiran.



QR-Code untuk ke paparan utama Visual Interaktif *My Local Stats*

Paparan utama Visual Interaktif *My Local Stats*

## **Malaysia Economic Recovery Dashboard (MERD)**

Sistem Pemulihan Ekonomi Malaysia (MERD) memberikan gambaran ringkas tentang situasi pemulihan ekonomi semasa Malaysia berdasarkan prestasi penunjuk ekonomi utama yang terpilih. MERD ialah kesinambungan dan versi naik taraf Sistem Pemantauan Ekonomi Malaysia (MEID) yang telah dilancarkan pada 1 Julai 2021. Dashboard ini mengandungi 9 petunjuk ekonomi utama yang dipersembahkan dalam visualisasi interaktif siri masa bulanan, suku tahunan dan tahunan merangkumi:



QR-Code untuk ke  
Paparan utama  
MERD





Department of Statistics Malaysia  
[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)



### Malaysia Economic Recovery Dashboard

This dashboard present the time series data of **9 economic indicators**:



1. Gross Domestic Product
2. Labour Force
3. Commodities
4. Prices
5. Manufacturing
6. Services
7. Trade
8. Balance of Payments
9. Other Indicators

**Other Indicators**

- Leading Index
- Business Registration
- Income e-Commerce
- Credit Card Transaction
- Business Tendency Statistics
- Utilities (Electricity)
- Vehicles
- and more ...

## MyPrice Dashboard

DOSM dengan kolaborasi bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membangunkan *MyPrice Dashboard* yang dilancarkan pada 27 Disember 2021 sebagai usaha membantu pihak berkaitan memantau harga harian barang-barang keperluan terpilih. Ia meliputi 36 barang keperluan terpilih termasuk 12 barang Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang meliputi 137 outlet di seluruh Malaysia.

Harga yang dipaparkan di *MyPrice Dashboard* adalah berdasarkan kepada tiga sumber iaitu harga yang diperoleh daripada pemantauan KPDNHEP, data crawling dan pungutan harga oleh anggota DOSM di outlet terpilih. *MyPrice Dashboard* mempunyai empat kategori utama barang keperluan terpilih iaitu ayam, daging dan telur; sayur-sayuran; ikan dan makanan laut dan buah-buahan. *MyPrice Dashboard* menunjukkan harga harian barang keperluan bermula dari 7 Disember 2021 sehingga harga yang terkini.

*MyPrice Dashboard* bertujuan membekalkan harga harian bagi barang keperluan tersebut kepada pelbagai pihak serta membolehkan kerajaan memantau dan menganalisis trend



QR-Code untuk ke paparan utama *MyPrice Dashboard*



perubahan harga yang berlaku. *Dashboard* ini juga membantu isi rumah dalam mendapatkan maklumat yang lebih baik mengenai harga daripada sumber yang dipercayai.

## Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID)



QR-Code untuk ke paparan utama *MyLMID*

*Dashboard* ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia semasa Forum Pasaran Buruh pada 16 Disember 2021. Objektif pembangunan *dashboard* ini adalah memudahkan pengguna mengakses indikator dan statistik berkaitan pasaran buruh, memenuhi permintaan data dari pengguna dalam tempoh lebih singkat serta mengurangkan volum

permintaan data yang berbentuk *ad hoc*. *Dashboard* ini juga menjadi platform tunggal data pasaran buruh meliputi sumber data DOSM dan agensi terlibat.

# PORTAL DATA

## Projek Statistics Big Data Analytics (STATSBDA)

DOSM merupakan agensi kerajaan yang telah melaksanakan projek Big Data melalui STATSBDA. Projek STATSBDA ini bermula pada Disember 2016 dan pembangunannya telah selesai pada Mei 2018. Projek STATSBDA ini telah memasuki fasa penyelenggaraan yang bermula pada Disember 2020.

Terdahulu, projek STATSBDA ini mempunyai 5 modul iaitu *Trade by Enterprise Characteristic (TEC)*, *Price Intelligence (PI)*, *Public Maturity Assessment on Official Statistics (PMAOS)*, *Real Time Business Status (RTBS)*, dan *Bizcode@StatS*.




QR-Code untuk ke paparan utama portal STATSBDA

## Portal Banci Malaysia 2020 (MyCensus 2020)

Sehingga 31 Disember 2021, seramai 3,940,697 pengguna dari pelbagai negara telah melayari Portal Banci Malaysia 2020. Pengguna daripada Malaysia adalah yang tertinggi iaitu 3,734,479 (94.4%) diikuti Singapura 73,477 (1.87%) dan Amerika Syarikat 67,562 (1.72%). Mengikut daerah pula, pengguna daripada Kuala Lumpur adalah yang tertinggi iaitu 1,8882,179 (43.58%) diikuti Shah Alam 335,710 (7.77%) dan Johor Bahru 191,098 (4.42%).



QR-Code untuk ke paparan utama portal Banci Malaysia



Paparan statistik pelawat portal sehingga 31 Disember 2021

| Country            | Users     | % Users |
|--------------------|-----------|---------|
| 1.  Malaysia       | 3,734,479 | 94.90%  |
| 2.  Singapore      | 73,477    | 1.87%   |
| 3.  United States  | 67,562    | 1.72%   |
| 4.  Brunei         | 10,467    | 0.27%   |
| 5.  Australia      | 4,618     | 0.12%   |
| 6.  Indonesia      | 3,922     | 0.10%   |
| 7.  Hong Kong      | 3,567     | 0.09%   |
| 8.  United Kingdom | 3,566     | 0.09%   |
| 9.  Japan          | 3,335     | 0.08%   |
| 10.  India         | 3,001     | 0.08%   |


Paparan mengikut negara

| City             | Users     | % Users |
|------------------|-----------|---------|
| 1. Kuala Lumpur  | 1,882,179 | 43.58%  |
| 2. Shah Alam     | 335,710   | 7.77%   |
| 3. Johor Bahru   | 191,098   | 4.42%   |
| 4. Puchong       | 172,696   | 4.00%   |
| 5. Petaling Jaya | 128,591   | 2.98%   |
| 6. Ipoh          | 115,703   | 2.68%   |
| 7. Kota Kinabalu | 105,191   | 2.44%   |
| 8. Kuching       | 102,888   | 2.38%   |
| 9. Kajang        | 76,930    | 1.78%   |
| 10. Singapore    | 71,529    | 1.66%   |

Paparan mengikut daerah di Malaysia

Seramai 54,949 pengguna yang menggunakan aplikasi ChatBot Akak Banci sejak dilancarkan pada Hari Banci iaitu 7 Julai 2020. Sebanyak 12,077 soalan telah didaftarkan dan jawapan juga telah dikemaskini di dalam sistem bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklum balas secara langsung semasa melayari Portal Banci Malaysia 2020. Aplikasi ini digunakan sehingga tempoh operasi banci berakhir iaitu pada 31 Oktober 2021.

Paparan dan kandungan Portal Banci Malaysia 2020 dikemaskini secara berterusan seperti paparan data statistik terkini, *Highlights of MyCensus2020*, infografik, berita, artikel, newsletter dan gambar aktiviti yang berkaitan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.



|  | CITIZEN      | NON-CITIZEN    |
|--|--------------|----------------|
|  Population   | 29.8 million | 2.7 million    |
|  Male         | 15.1 million | 1.9 million    |
|  Female       | 14.7 million | 818.6 thousand |
|  |              |                |
|  | CITY         | RURAL          |
|  Urbanisation | 75.1%        | 24.9%          |
|  Household    |              | 8.2 million    |

Thursday, 25/09/2020

HOME CENSUS INFO MEDIA CENSUS PRODUCT Search ...

### Highlight of MyCensus 2020

Home / Census Info / Highlight of MyCensus 2020

29.9.2021\_Highlights of MyCe... 28.9.2021\_Highlights of MyCe... 27.9.2021\_Highlights of MyCe...

26.9.2021\_Highlights of MyCe... 25.9.2021\_Highlights of MyCe... 24.9.2021\_Highlights of MyCe...

23.9.2021\_Highlights of MyCe... 22.9.2021\_Highlights of MyCe... 21.9.2021\_Highlights of MyCe...

Thursday, 25/09/2020

HOME CENSUS INFO MEDIA CENSUS PRODUCT Search ...


**Infographics**

Census 2020 Quick Fact MyCensus 2020 Latest Infographic Infographic Publication Census 2010 Infographics by State

2022:



2021:



Thursday, 25/09/2020

HOME CENSUS INFO MEDIA CENSUS PRODUCT Search ...

### Articles

Home / Media / Articles

The Divorce Cases in Malaysia... Demographic Transition: Where... Malaysia's Population Growth ...

Malaysia Population Aging The Online Census Is Beginnin... Malaysia Becoming An Ageing...

Thursday, 25/09/2020

HOME CENSUS INFO MEDIA CENSUS PRODUCT Search ...

### Press Release

Home / Media / Press Release

In Conjunction With World Popu... Launch of Dun Subnational Pa... Presentation of The Key Findin...

Launching of Report On The K...


## Stats Geoportal



QR-Code untuk ke paparan utama portal Stats Geoportal

Stats Geoportal dibangunkan bagi memudahkan capaian pelbagai maklumat geospatial yang amat diperlukan dalam perancangan dan pembangunan. Selain itu, aplikasi ini dapat membantu DOSM dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat secara talian bagi mendapatkan maklumat pemetaan Malaysia. Manfaat melalui aplikasi ini juga akan dapat menggalakkan penggunaan maklumat geospatial yang lebih meluas di peringkat Malaysia, Negeri dan Daerah. Perkhidmatan yang disediakan ini akan dapat menjadi permulaan kepada perkhidmatan secara elektronik yang berdasarkan pemetaan digital.

Terdapat beberapa penambahan yang telah dilaksanakan. Antaranya penambahan *Place of Interest* (POI) seperti sekolah dan hospital mengikut kategori atau jenis yang dipaparkan menerusi *map layers*.



Selain dari pengemaskinian data terkini, paparan dan fungsi beberapa modul telah ditambahbaik seperti penambahan kategori pecahan umur yang lebih terperinci iaitu kumpulan umur 0-14 tahun, 15-29 tahun, 30-44 tahun, 45-59 tahun dan 60-65 tahun ke atas.



Fungsi cetak yang tiada sebelum ini pada Modul Laporan juga telah ditambah bagi memudahkan pengguna untuk mencetak sebagai simpanan.

## **Malaysia Integrated Population Census System (MyIPCS)**



Pelaksanaan banci pada tahun 2020 adalah melalui Sistem **Malaysia Integrated Population Census System** (MyIPCS). MyIPCS adalah sistem bersepadu yang menguruskan semua aktiviti dan maklumat bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) termasuk data geospatial. Selain itu, MyIPCS adalah sistem banci moden yang melibatkan proses penyediaan, penghitungan, pemprosesan data, penyebaran dan penilaian berdasarkan *Principles and Recommendation for Population and Housing Census, Revision 3 and Generic Statistical Business Process Model (GSBPM)*. MyIPCS terdiri daripada 10 modul iaitu:

- |   |   |
|---|---|
| <b>1</b> <i>System Administration &amp; Integration</i> | <b>6</b> <i>Census Supporting System: Census Tracking</i>         |
| <b>2</b> <i>Census Data Management</i>                  | <b>7</b> <i>Census Supporting System: Quality Control</i>         |
| <b>3</b> <i>DOSM Smart Map &amp; DOSM Smart Listing</i> | <b>8</b> <i>Census Supporting System: Post Enumeration Survey</i> |
| <b>4</b> <i>Census Operation</i>                        | <b>9</b> <i>Analytics &amp; Repository</i>                        |
| <b>5</b> <i>Census Processing</i>                       | <b>10</b> <i>Dissemination &amp; Data Communication</i>           |

## StatsDigital

DOSM sentiasa berkembang selaras dengan keperluan statistik yang lebih luas sama ada dalam bidang ekonomi maupun bidang sosial. Perkembangan ini telah membawa kepada kepelbagaiannya penerbitan statistik dan laporan DOSM. Dalam usaha melestarikan penerbitan statistik dan laporan terpelihara sebagai khasanah negara, modenisasi pendigitalan DOSM telah dilaksanakan. Modenisasi yang dinamakan StatsDigital ini telah mentransformasikan statistik dan laporan berbentuk fizikal kepada bentuk digital yang boleh dicapai oleh semua peringkat pengguna melalui portal StatsDigital.

Portal StatsDigital ini mengandungi penerbitan seawal tahun 1891 hingga ke tahun semasa. Pengguna boleh memilih penerbitan dalam bentuk e-book atau set data yang akan memudahkan pengguna melakukan analisis yang berkaitan.



QR-Code untuk ke paparan utama portal StatsDigital

## Statistics Data Warehouse (StatsDW)

*Statistics Data Warehouse* (StatsDW) adalah *Enterprise Data Warehouse* (EDW) yang menyimpan *historical data* dari bancian dan survei yang dilaksanakan oleh DOSM. Selain itu, StatsDW turut menyimpan data pentadbiran daripada agensi dan jabatan kerajaan lain serta data yang disusun sebagai indikator ekonomi dan sosial. Ia berfungsi sebagai pangkalan data utama untuk DOSM.



QR-Code untuk ke paparan utama portal StatsDW

StatsDW Fasa II merupakan penambahbaikan sistem gudang data konvensional ke sistem gudang data moden dengan tujuan untuk menggabungkan semua data dan statistik yang diperolehi sama ada melalui survei atau bancian yang dijalankan, integrasi dari sistem atau data pentadbiran yang diperoleh daripada agensi atau organisasi lain.

Proses pembangunan StatsDW merangkumi *Data Integration*, *Data Management* dan *Data Dissemination*. Setiap proses dalam StatsDW 2.0 telah dikembangkan dan dipertingkatkan menjadi modul yang membolehkan operasi StatsDW 2.0 memberi manfaat kepada DOSM, Agensi lain serta orang awam. Platform ini disokong oleh ekosistem pintar yang terdiri daripada modul berikut:

### **Smart Data Partnership (SDP)**

Platform standard dan selamat untuk mengurus proses pemerolehan data secara sistematik ke dalam persekitaran StatsDW 2.0.

### **Smart Data Lake Management (SDLM)**

Platform untuk menyimpan semua jenis data termasuk data berstruktur dan tidak berstruktur, pengarkiban data tidak aktif, data sedia untuk dianalisis, *data hub*, *data cube* dan cara pintar lain untuk menyediakan data, makluman, pemantauan dan kawalan pengguna pada setiap peringkat.

### **Smart Data Communication (SDC)**

Platform yang dirumus untuk memenuhi spektrum besar keperluan pengguna melalui berbilang saluran platform. Ia disesuaikan secara khusus untuk memastikan data dapat digunakan secara optimum, mempamerkan paparan interaktif yang akan memberikan cerapan lebih tepat untuk pengguna memahami dan melakukan analisis data dan analisis layan diri.

### **Management Module (MM)**

Platform untuk pentadbiran berpusat StatsDW Fasa II bagi menguruskan ketiga-tiga modul (SDP, SDLM, SDC) dengan sokongan oleh infrastruktur teknologi, pembangunan sistem dan pasukan yang cekap.

## Interactive Malaysia Statistical Business Register (i-MSBR)

The screenshot displays the homepage of the Interactive Malaysia Statistical Business Register (i-MSBR). At the top, there are five tabs: INTRODUCTION, MSBR PERFORMANCE UNTIL JUNE 2022, ESTABLISHMENT BY SECTOR/SUB-SECTOR, ESTABLISHMENT BY STATE & SECTOR/ SU., and ESTABLISHMENT BY SME & SECTOR/ SU., ES. Below the tabs, there is a section titled "What is MSBR" which defines MSBR as a list of established businesses in Malaysia, including the Register of Businesses (ROB) and Limited Liability Partnerships (LLP) registered with Companies Commission Malaysia (CCM), as well as local authority and professional bodies. There is also a diagram titled "SECTOR/SUB-SECTOR INVOLVED" showing various industry icons like Services, Construction, Manufacturing, and Retail Trade. At the bottom, there are four circular icons labeled "Coverage", "Updating Source", "Classification", and "Periodic Updates".

i-MSBR merupakan aplikasi perkhidmatan dalam talian berbentuk visual interaktif yang dibangunkan berasaskan senarai pertubuhan yang di *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). Ia mengandungi statistik pertubuhan aktif berdaftar yang beroperasi di Malaysia. i-MSBR telah dilancarkan pada 26 September 2019 bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia.

i-MSBR telah dikemaskini berdasarkan data terkini sehingga 31 Disember 2021 dan maklumat dikemaskini secara berkala setiap enam bulan sekali.

## Sistem Trade 2.0 – Sistem Prosesan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (PPLN)

Selaras dengan perkembangan teknologi, DOSM telah mengambil langkah proaktif dengan menaik taraf Sistem Prosesan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (PPLN) sedia ada iaitu METS kepada versi terkini melalui Sistem Trade 2.0 bermula bulan rujukan Oktober 2021. Ia bertujuan bagi meningkatkan kecekapan proses kerja penyusunan PPLN. Sistem baharu ini antara lain memenuhi ciri-ciri capaian data di platform berpusat, fungsi analisis data yang lebih fleksibel dan pemodenan proses bagi modul data yang relevan.

Sesi Soft Launch Sistem Trade 2.0 telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan dan diadakan serentak dengan embargo Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Oktober 2021 pada 29 November 2021. Rakaman ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia telah dilakukan terlebih dahulu dan dikongsikan secara online di Facebook DOSM disusuli oleh montaj soft launch berkenaan.



The screenshot shows the user interface of the Sistem Trade 2.0 system. On the left, there is a vertical navigation menu with items such as Dashboard, Load Data, Error Checking List, Signing, Validate Data, AI/V Checking, Data Entry, Data Verification, Report, Analyze, Helpdesk, and User Maintenance. The main area features a user profile picture and a title "BAGIAN PERANGKAAN MALAYSIA". Below this, there are two windows: one showing a table of data on a laptop screen and another showing a chart on a laptop screen. A hand is visible pointing at the chart window.

## **Malaysia External Trade Statistics (METS) Atas Talian Versi 2021**

Pelancaran METS *Online* versi pertama telah diadakan pada Disember 2010 manakala versi 2 telah dilancarkan pada September 2014. Manakala, METS *Online* Versi 3 yang menyediakan maklumat eksport dan import di peringkat *Harmonized Commodity Description and Coding System (HS)* 10-digit dan *Standard International Trade Classification (SITC)* 9-digit telah dilancarkan pada 7 Februari 2018. HS adalah berdasarkan daripada Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) manakala SITC adalah daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Melalui versi terkini ini, pengguna boleh memilih sehingga 11,700 kod produk berbanding 5,200 kod dalam versi terdahulu.

Pembangunan METS *Online* adalah bagi memudahkan pengguna untuk mengakses maklumat perdagangan luar negeri antara Malaysia dan negara-negara lain. METS *Online* hanya tersedia dalam versi Bahasa Inggeris.



QR-Code untuk ke paparan utama METS Online

## **My Job Profile**

Portal My Job Profile telah dilancarkan pada 25 Oktober 2021 dan memprofilkan pekerjaan pada peringkat Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 4 Digit mengikut jumlah kekosongan semasa, keperluan kemahiran, gaji yang ditawarkan dan senarai institusi pendidikan yang menawarkan kursus berkaitan pekerjaan yang terpilih.

Objektif utama portal My Job Profile adalah untuk menghasilkan profil pekerjaan yang disesuaikan mengikut petunjuk yang berkaitan, kekosongan pekerjaan dan kursus yang ditawarkan dalam profil pekerjaan tersebut. Portal My Job Profile boleh digunakan untuk membantu dalam eksplorasi kerjaya, kaunseling kerjaya dan pelbagai fungsi sumber manusia seperti membangunkan job orders dan deskripsi jawatan dan penyelarasian latihan mengikut keperluan pekerjaan serta penjodohan penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh yang lebih baik. Portal ini telah mencatatkan sebanyak 9,856 bilangan pengguna pada tahun 2021.



QR-Code untuk ke paparan utama My Job Profile

# APLIKASI MUDAH ALIH (MOBILE APPS)

DOSM telah membangunkan dua aplikasi mudah alih yang boleh didapati secara percuma pada peranti mudah alih Android dan IOS. Pengguna boleh mengakses dan mendapatkan maklumat bagi petunjuk utama mengenai Penduduk, Pengangguran, Perdagangan Luar Negeri, Indeks Harga Pengguna (IHP), Indeks Pengeluaran Perindustrian, Pembuatan dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melalui aplikasi mudah alih yang disediakan ini.

DOSM turut memperkenalkan statistik di peringkat daerah dalam bentuk infografik yang lebih mudah untuk difahami oleh semua lapisan masyarakat melalui aplikasi mudah alih sistem interaktif yang dikenali sebagai ***MyLocal Stats***. Aplikasi ini dapat membantu pengguna untuk mengakses statistik sehingga peringkat daerah untuk perancangan pembangunan tempatan. Data yang dipamerkan adalah berdasarkan Kalender Keluaran Awalan dan sentiasa dikemaskini untuk memaparkan maklumat statistik terkini.



QR-Code untuk ke paparan utama  
*MyLocal Stats*

**BizCode@Stats** adalah platform perkongsian aktiviti kod dan klasifikasi statistik keluaran DOSM yang dibangunkan berasaskan piawaian pengkelasaran antarabangsa. Aplikasi ini dibangunkan bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan kod beserta keterangan secara interaktif dan mudah alih.



QR-Code untuk ke paparan utama  
*BizCode@Stats*



## KOMUNIKASI STATISTIK

- Medium Penyebaran Statistik
- Statistik Bersama Komuniti
- Kunjungan Hormat dan Muhibah
- Memorandum Persefahaman (MoU)



# MEDIUM PENYEBARAN STATISTIK

Penggunaan pelbagai medium komunikasi amat penting dalam melaksanakan penyebaran keluaran statistik utama DOSM. Justeru, DOSM telah mengeluarkan pelbagai penerbitan bercetak dan muat turun secara percuma yang boleh diakses dengan mudah melalui eStatistik di portal DOSM. Seiring dengan revolusi penggunaan media sosial yang semakin meluas, DOSM turut menggunakan platform seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube bagi menyebarkan statistik dengan lebih pantas kepada masyarakat umum. Malahan keluaran statistik juga disebarluaskan melalui Whatsapp dan e-mel kepada beberapa kumpulan sasaran seperti Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Jabatan, Duta-duta, Kesatuan Sekerja serta juga kepada pengetua sekolah seluruh negara.



**Portal**  
[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)  
eStatistik



## Penerbitan

Data Bulanan, Suku  
Tahunan, Tahunan,  
Ad Hoc/ Lain-lain



**E-mel**  
[info@dosm.gov.my](mailto:info@dosm.gov.my)  
[data@dosm.gov.my](mailto:data@dosm.gov.my)



**Media Sosial**  
[@StatsMalaysia](https://twitter.com/StatsMalaysia)  
[@MyCensus](https://twitter.com/MyCensus)



**Aplikasi Mudah Alih  
(Mobile Apps)**  
*MyLocal Stats*  
[Bizcode@Stats](mailto:Bizcode@Stats)

# DOSM @ MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK

Sepanjang tahun 2021, sebanyak **4,413 kenyataan akhbar dan artikel** berkaitan DOSM telah disiarkan oleh akhbar bercetak dan atas talian. DOSM telah mengeluarkan kenyataan akhbar berkaitan aktiviti yang dijalankan dan produk DOSM pada tarikh siaran data dan diedarkan kepada semua media tempatan serta antarabangsa.

## Liputan DOSM dalam Media sepanjang tahun 2021

| Bulan         | Media Cetak dan Elektronik |                         | Jumlah       |
|---------------|----------------------------|-------------------------|--------------|
|               | Umum                       | Keluaran Statistik DOSM |              |
| Januari       | 18                         | 146                     | 164          |
| Februari      | 3                          | 333                     | 336          |
| Mac           | -                          | 289                     | 289          |
| April         | 30                         | 208                     | 238          |
| Mei           | 34                         | 265                     | 299          |
| Jun           | 69                         | 232                     | 301          |
| Julai         | 61                         | 280                     | 341          |
| Ogos          | 95                         | 490                     | 585          |
| September     | 253                        | 225                     | 478          |
| Oktober       | 237                        | 273                     | 510          |
| November      | 112                        | 313                     | 425          |
| Disember      | 145                        | 302                     | 447          |
| <b>Jumlah</b> | <b>1,057</b>               | <b>3,356</b>            | <b>4,413</b> |



## Program wawancara DOSM HQ sepanjang tahun 2021

| Program       | Bilangan  |
|---------------|-----------|
| TV            | 15        |
| Radio         | 13        |
| Online        | 3         |
| <b>Jumlah</b> | <b>31</b> |



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**BNCI MALAYSIA 2020**  
DATA ANDA BERPENGARUH

**Jom tonton**  
**60** minit bersama...  
**TV ALHIJRAH**

**Status Semasa**  
**Benc Malaysia 2020 dan**  
**Hari Statistik Negara 2021**

stesen langsung :  
23 Oktober 2021 | Sabtu | 6:00 petang

Tonton 60 Minit bersama... di TV Al Hijrah saluran 114, atau di Facebook rasmi TVAlHijrah.

**LIVE**  
@TVAlHijrah

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**MALAYSIA PETANGINI**  
**DATA**  
**BUKAN**  
**SEKADAR**  
**ANGKA**

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**  
Ketua Perangkawan Malaysia  
Pesuruhjaya Benc Malaysia 2020

ISININ | 1 NOVEMBER 2021 | 5:30 PETANG - 6:00 PETANG

Saksikan secara langsung di Saluran Astro 502 / Uniti TV 631 / myFreeview 121 dan Facebook & YouTube @BernamaTV

New Straits Times  
**insight**

**“ MY CENSUS 2020:**  
**E-CENSUS OR FACE-TO-FACE? ”**

**MODATOR**  
FARIDUL ANWAR FARINORDIN  
SENIOR NEWS EDITOR, NST

**PANEJISI**  
YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN  
CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA CUMAS  
MY CENSUS 2020 COMMISSIONER

JOIN US ON **f LIVE**  
facebook.com/nstonline

22 April 2021, Thursday  
11.00am – 12.00pm

## Program wawancara DOSM Negeri sepanjang tahun 2021



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Bersama:

**tvs**

**STATUS SEMASA  
BNCI MALAYSIA 2020 &  
HARI STATISTIK NEGARA 2021**

SIARAN LANGSUNG PADA:

07 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

7.30 PAGI HINGGA 8.30 PAGI

**Puan Dayang Rozana Binti Abang Hassan**  
Pengarah  
Jabatan Perangkaan Malaysia,  
Negeri Sarawak

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**JOM DENGARKAN**

**BNCI MALAYSIA 2020**

Status Semasa  
Banci Malaysia 2020 dan  
Hari Statistik Negara 2021

Siaran Langsung:  
29 September 2021 | Rabu | 2.15 petang

Dengarkan di  
**102.9 FM**  
atau di capaian  
<https://rtmklik.rtm.gov.my/channel/radio/PERUSFM>

**Puan Pathmavathi A/P Appulananda**  
Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis  
Menjawat  
Timbalan Pesuruhjaya Banci Teknikal Negeri Perlis

**tvs**

**SejahteraASIA**

HARI SUKAN NEGARA, PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2021 & STATUS SEMASA BNCI MALAYSIA 2020

**BERSAMA**  
**EN. LAMAT ANAK NYALAU**  
PENGARAH JABATAN BELIA DAN SUKAN  
NEGERI SARAWAK

**DAYANG ROZANA BINTI ABANG HASSEN**  
PENGARAH JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
NEGERI SARAWAK

**KHAMIS**  
**7:30 PAGI**  
TVS Saluran 122 Astro & MYTV

[www.tvstv.my](http://www.tvstv.my)

## HARI BERSAMA PELANGGAN DOSM

Pada tahun 2021, DOSM telah melaksanakan **Hari Bersama Pelanggan** melalui platform Microsoft Teams. Tiga sesi yang telah dijalankan pada bulan-bulan Februari, Ogos dan Oktober 2021 ini adalah bagi menyediakan ruang bagi pelbagai pertanyaan daripada pengguna dan pelanggan DOSM.



## DOSM @ MEDIA SOSIAL

Penggunaan media sosial didorong oleh kemunculan dan penggunaan internet yang semakin meluas telah mengubah landskap komunikasi antara DOSM dengan pengguna dalam mempertingkat sistem penyampaian maklumat. Maklumat yang dikongsikan melalui pelbagai platform ini dapat membudayakan statistik kepada masyarakat. Sehingga 31 Disember 2021, liputan dan jumlah pengikut DOSM dalam platform media sosial adalah seperti berikut:

**Stats Malaysia**

41,157 likes      7,578 posts  
41,106 followers

**MyCensus 2020**

28,800 likes      2,497 posts  
30,899 followers

**Stats Malaysia**

1,939 subscribers      376 videos  
157,791 views

**Stats Malaysia**

7,237 followers  
3,032 posts

**Stats Malaysia**

10,074 likes  
5,272 tweets

**BANCI Malaysia**

3,187 subscribers

# APLIKASI ATAS TALIAN @ PORTAL DOSM

Domain Portal rasmi DOSM boleh dilayari melalui [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my). Sehingga 31 Disember 2021, portal ini telah dikunjungi lebih daripada **4.6 juta** pelawat. Portal rasmi DOSM juga dilengkapi dengan pelbagai aplikasi dalam talian bagi memudahkan capaian statistik oleh pengguna.

The screenshot shows the 'My Account' section of the eStatistik website. It includes fields for 'User ID' and 'Password', a 'Forgot Password?' link, and a 'Don't have an account? Register an account now!' button. There are also links for 'PRIVACY STATEMENT' and 'All personal data provided by users are treated as confidential and are secured in our portal. This portal has restricted access to authorized personnel only.'

**Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Atas Talian (METS Online)** telah mencatatkan transaksi sebanyak **92,908** oleh pengguna sepanjang tahun 2021. Aplikasi ini dibangunkan untuk membekalkan pengguna dengan perangkaan perdagangan luar negeri (barang) (PPLN) antara Malaysia dengan negara-negara lain.

The screenshot displays the main menu of the DOSM website. It features a grid of icons representing different services: eStatistik, Standard, Statistik, Mewajahah, Statistik Empayar, Nombor DODM, Sistem Pengangguran dan Pengeluaran, Visualizer, Mewajahah Data Online, Inovasi Statistik, Mewajahah Data Centre (MyIDC), Inovasi Statistik, MyIDC Status, Dashboard MyMets, Sistem Analisis Perangkaan, Rumah Komersial, Mewajahah Data Recovery Dashboard, Statistik Keuangan di Peringkat Negeri dan Negara, Job Market Insights, My Job Profile, Mewajahah Data Statistik Interaktif, and Jantina Populasi.

Pada tahun 2021, seramai **2,138,447** pengguna telah mengakses eStatistik (*login*). Manakala sebanyak 2,529,197 transaksi muat turun percuma penerbitan DOSM termasuk permintaan data telah dilakukan oleh pengguna.



The screenshot shows the 'INDIKATOR' section of the MysIDC website. It lists various social and economic indicators such as Gross Domestic Product, Population, Economic Growth, Unemployment Rate, and more. On the right, there is a detailed description of the 'Indikator' section, mentioning its role as a platform for information, analysis, and research, and its mission to provide timely and accurate data to support policy-making and decision-making.


**Malaysia Informative Data Centre (MysIDC)** telah mencatatkan transaksi sebanyak **37,212** oleh pengguna sepanjang tahun 2021. Aplikasi ini merupakan *one stop centre* bagi data sosial dan ekonomi Malaysia secara siri masa meliputi 14 indikator.

**Population Quick Info** telah mencatatkan transaksi sebanyak **40,359** oleh pengguna sepanjang tahun 2021. Aplikasi ini merupakan satu sistem carian data anggaran penduduk yang cepat dan mudah bagi mengakses data mengikut negeri, kumpulan etnik, umur dan jantina.



Stats Geoportal telah mencatatkan sebanyak **5,625** transaksi oleh pengguna sepanjang tahun 2021. Aplikasi interaktif visualisasi ini mengandungi informasi geopartial (mengikut tema data penduduk, demografi, sosial dan ekonomi) yang berdasarkan pemetaan digital.

**Sistem carian Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC), e-MSIC 2008 Ver 1.0** telah mencatatkan transaksi sebanyak **49,195** oleh pengguna sepanjang tahun 2021. Aplikasi ini dibangunkan bagi tujuan memudahkan pengguna membuat carian kod industri.



**Statistics Data Warehouse (StatsDW)** telah mencatatkan sebanyak **19,502** transaksi oleh pengguna sepanjang tahun 2021. Aplikasi ini berfungsi sebagai storan data dan menyediakan platform interaktif melalui eDataBank, Data Visualisation dan Mobile Discovery yang membolehkan pengguna meneroka maklumat data pelbagai bantuan dan penyiasatan yang dijalankan oleh DOSM serta kompilasi data untuk petunjuk ekonomi.

**MyLocal Stats** telah mencatatkan sebanyak **48,861** transaksi oleh pengguna sepanjang tahun 2021. Aplikasi ini menyediakan akses bagi data sosial dan ekonomi mengikut daerah pentadbiran.



# STATS ALERT 2021

Stats Alert merupakan salah satu cara untuk meningkatkan literasi statistik terhadap pengguna dengan menggunakan kaedah infografik yang lebih mudah difahami. Keseluruhan sebanyak **241 Stats Alert** telah dikeluarkan sepanjang tahun 2021 dengan purata **20 Stats Alert sebulan**. Hebatnya penerbitan juga dilaksanakan melalui e-mel dengan jumlah lebih daripada 5,000 penerima.



# POCKETSTATS 2021

Idea penghasilan buku **PocketStats** tercetus semasa Mesyuarat Pembentangan KDNK suku ketiga tahun 2018 kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara pada 14 November 2018. Ketika itu, DOSM telah diminta menyediakan dan membekalkan Laporan Kemajuan dan Prestasi Ekonomi Malaysia bagi setiap suku tahun kepada semua ahli Jemaah Menteri. Sehubungan itu, *PocketStats Siri 1* (Suku Ketiga 2018) telah dikeluarkan pada 16 November 2018 dan *PocketStats Siri 2* (Tahun 2018) telah diterbitkan pada 31 Disember 2018. Pengeluaran buku *PocketStats* ini di teruskan setiap tahun mengikut kekerapan secara suku tahunan.

Isi Kandungan PocketStats bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

**01**

Indikator Utama

**02**

Indikator Ekonomi

**03**

Indikator Sosial

**04**

Indikator Lain

**05**

Indikator Sosioekonomi Negeri

**06**

Infografik Negeri



# NEWSLETTER 2021

Terdapat sebanyak **62 Newsletter** telah dikeluarkan oleh DOSM sepanjang tahun 2021. Newsletter ini mengandungi maklumat secara ringkas bagi produk dan penerbitan terpilih DOSM, panduan maklumat am semasa serta teknologi dan modul yang dibangunkan oleh Bahagian Butiran Perkara dan DOSM Negeri.



# STATISTIK BERSAMA KOMUNITI

DOSM terus berusaha meningkatkan pembudayaan dan literasi statistik dalam kalangan pengguna dan masyarakat dari semasa ke semasa walaupun berdepan dengan cabaran berikutan penularan pandemik COVID-19. Selain itu, dengan pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang masih berjalan dan dilanjutkan pada tahun 2021, pemantauan dan lawatan pelaksanaan bagi banci tersebut telah dijalankan bagi memberikan pendedahan maksimum kepada orang ramai. Di samping itu, aktiviti bersempena Hari Statistik Negara 2021 turut dijalankan dalam komuniti bagi memeriahkan sambutan tersebut. Sehubungan itu, pelbagai kunjungan, program dan aktiviti telah dijalankan sepanjang 2021 mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan melibatkan Jabatan/ agensi/ pertubuhan kerajaan dan swasta serta komuniti di setiap negeri seluruh Malaysia.

## KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN MUHIBAH DI PERINGKAT NEGERI

### Januari 2021

#### 7 Januari 2021

Kunjungan Hormat daripada DOSM Terengganu kepada Encik Sr Rosli bin Mohammed, Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Terengganu



#### 12 Januari 2021

Lawatan Muhibah daripada Pengarah Jabatan Penerangan Selangor ke DOSM Selangor



#### 5 Januari 2021

Kunjungan Hormat daripada DOSM Selangor kepada Jabatan Penyiaran Selangor



#### 8 Januari 2021

Kunjungan Muhibah daripada DOSM Pahang kepada Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Pahang



## Februari 2021

### 16 Februari 2021

Kunjungan Hormat daripada DOSM Terengganu kepada Encik Hairizam Albukhari, Pengarah Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur, Kuala Terengganu



### 17 Februari 2021

Kunjungan Hormat daripada DOSM Terengganu kepada Puan Zanariah Mamat@ Zakaria, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Negeri Terengganu



### 26 Februari 2021

Kunjungan Hormat daripada DOSM Negeri Sembilan kepada YBhg. Dato' Haj Md Fiah Md Jamin, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan



## Mac 2021

### 2 Mac 2021

Kunjungan Hormat daripada Pengarah DOSM Selangor kepada Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, Majlis Daerah Sabak Bernam dan Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam, Selangor



### 3 Mac 2021

Kunjungan Hormat daripada Pengarah DOSM Selangor kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor



**4 Mac 2021**

Lawatan Muhibah daripada Encik Samsuring Meli, Pengarah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Perlis kepada DOSM Perlis

**17 Mac 2021**

Kunjungan Hormat daripada DOSM Perak kepada YB Dato' Haji Mohd Zolkafly Haji Harun (ADUN Lintang, Sungai Siput), Exco Jawatankuasa Infrastruktur Tenaga, Air & Pengangkutan Awam Negeri Perak

**April 2021****1 April 2021**

Kunjungan Hormat daripada DOSM Negeri Sembilan kepada YBrs. Tuan Haji Norazam Bin Haji Nayan, Ketua Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, Negeri Sembilan

**10 Mac 2021**

Kunjungan Muhibah daripada DOSM Pahang kepada Pejabat Tanah dan Daerah Bera, Pahang

**18 Mac 2021**

Kunjungan Hormat daripada DOSM Perak kepada YBhg. Dato' Haji Zainol Fadzi Paharudin (ADUN Sg. Manik), EXCO Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak

**5 April 2021**

Kunjungan hormat daripada DOSM Sabah kepada Yang Terhormat Bapak Yonny Tri Prayitno, Konsul Jeneral Republik Indonesia di Kuching, Sarawak



**5 April 2021**

Kunjungan Hormat daripada DOSM Negeri Sembilan kepada Puan Noor Fadhlina Hussin, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Negeri Sembilan

**14 April 2021**

Kunjungan Hormat daripada DOSM Negeri Sembilan kepada YBrs. Tuan Anuar Mat Isa, Ketua Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Rembau, Negeri Sembilan

**23 April 2021**

Kunjungan Hormat daripada DOSM Negeri Sembilan kepada YBhg. Profesor Dr. Yamin Yasin, Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Negeri Sembilan

**7 April 2021**

Sesi Perbincangan DOSM Negeri Sembilan bersama Puan Rosnah Sardi, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Negeri Sembilan

**22 April 2021**

Kunjungan Hormat daripada DOSM Negeri Sembilan kepada YBrs. Tuan Haji Kamanizam Haji Tindek, Ketua Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan

